


**Jilid II  
Bil. 39**



**Hari Selasa  
4hb November, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4895]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 4929]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 4929]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” **Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.K.M. (Kota Bharu).**
- ” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- ” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- ” **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- ” **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- ” **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROKE, P.N.B.S. (Kanowit).**
- ” **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K., (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZE TU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 4hb November, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERTEMUAN MENTERI  
PERDAGANGAN MALAYSIA/  
JEPUN

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah perkara-perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan yang telah dibincangkan di antara beliau dengan Menteri Perdagangan Jepun yang melawat Malaysia baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam pertemuan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dengan Menteri Perdagangan Jepun, Tuan Rokusuka Tanaka pada 10hb September, 1980 yang lalu, perbincangan telah ditumpukan kepada beberapa perkara kepentingan bersama khususnya mengenai kerjasama dalam menghadapi masalah tenaga minyak, kemajuan industri-industri, peningkatan perdagangan dalam sektor perkilangan dan juga kerjasama yang lebih erat di antara Jepun—Malaysia dalam pembangunan tenaga manusia.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam perbincangan itu, setelah bertukar-tukar pendapat Menteri Perdagangan Jepun telah membayangkan kesediaan negaranya untuk:

- (1) Membantu Malaysia dalam membuat kajian-kajian kemungkinan (feasibility studies) untuk memajukan punca-punca tenaga seperti projek hydro-

elektrik dan arang batu. Ini adalah sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan seberapa yang boleh penggunaan tenaga minyak.

- (2) Kerjasama Jepun dalam membantu Malaysia memajukan industri-industri di negara ini.

Di sebalik ini, Menteri Perdagangan Jepun telah juga mengambil perhatian mengenai cadangan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia supaya Jepun meningkat dan meluaskan lagi pelaburannya di negara ini, terutama sekali dalam usahanya untuk memperkembangkan industri-industri berat, di mana sumber-sumber tenaga gas yang terdapat di Malaysia dapat dipergunakan.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada perkara pemindahan pengetahuan teknologi dari Jepun ke Malaysia telah dibincangkan bersama.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan adalah dibangkitkan perkara kemajuan perindustrian yang mana satu daripada svarat menanam modal di sini ialah pemindahan teknologi dari Jepun kepada warganegara Malaysia dan saya rasa ini pun adalah satu perkara dalam perbincangan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai permintaan daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia supaya Jepun meningkatkan pelaburan, terutamanya dalam industri berat di negara ini.

Pertama, saya ingin mendapat penjelasan dan juga keterangan apakah response daripada Menteri Perdagangan Jepun terhadap permohonan itu dan kedua, adakah dibincangkan juga ataupun Menteri Perdagangan Jepun itu mengemukakan beberapa keraguan atau beberapa halangan yang wujud dalam negeri ini, umpamanya, ancaman komunis yang berkemungkinan menyekat pelaburan Jepun dengan lebih luas lagi, terutama dalam industri-industri berat.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan yang pertama, response itu boleh dikatakan baik mengenai mengambil bahagian dalam industri-industri berat dan negeri Jepun pun telah pada masa sekarang ada minat untuk melaburkan modal dalam industri seperti tin-plate dan lain-lain jentera yang dikatakan heavy industries.

Bagi menjawab soalan yang kedua, tidak ada apa-apa keraguan atas perkara politik sebab seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negeri Jepun ialah sebuah negara yang menanam modal yang besar sekali di negara kita ini dan ini hasil daripada kestabilan politik dan juga perkembangan ekonomi. Jadi, perkara seperti masalah di Kemboja itu tidak berbangkit.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berbincang dengan pihak Jepun mengenai perkara industri-industri kecil di negara kita.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah dia memberitahu Dewan ini sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada membuat apa-apa permintaan khas kepada pihak Jepun mengenai industri kecil dan juga apakah bantuan spesifik yang Jepun dapat beri kepada Malaysia berkenaan dengan sektor ini?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak gunakan industri-industri kecil, saya katakan kemajuan industri-industri, tetapi dalam industri itu ada termasuk industri besar, sederhana dan juga kecil. Saya rasa permintaan kami ialah bagi keseluruhannya Jepun boleh memindahkan

teknologi dan saya rasa kita pun memberi peringatan berat kepada industri kecil dan saya rasa inipun ada dibangkitkan dalam perundingan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kedudukanimbangan perdagangan di antara negara kita dengan Jepun lebih menguntungkan Jepun, sama ada perkara ini ada dibincangkan di dalam mesyuarat yang telahpun diadakan itu. Apakah pihak negara Jepun ada memberi jaminan kepada kita untuk mengimport lebih banyak bahan-bahan utama yang dikeluarkan oleh negara ini bagi memperbaiki kedudukanimbangan perdagangan itu.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa kedudukanimbangan perdagangan di antara negara Jepun berlebih kepada Malaysia—favourable bukan adverse.

Dalam tahun 1976 kita dapat keuntungan \$772 juta sampai tahun 1979 sudah meningkat sampai \$1,827 juta, tetapi kelebihanimbangan perdagangan yang dinikmati oleh Malaysia diperolehi daripada 2-3 barang-barang utama sahaja seperti Petroleum dan juga kayu-kayan, bijih timah, tetapi kita sekarang hendak menggalakkan lebih barang-barang buatan (manufactured goods) dan kita pun berharap Jepun boleh membukakan pasaran Jepun kepada barang-barang buatan yang mana sekarang menghadapi sekatan tariff dan bukan tariff.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sikap pelabur-pelabur Jepun yang dikenali sebagai beri satu tangan ambil dua tangan dalam menanam pelaburan di mana-mana negara dalam dunia dan apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kita sedar bahawa sikap itu boleh dikurangkan dalam mana pihak Jepun membuat pelaburan di dalam negara kita ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan pertanyaan yang minta pandangan ataupun fikiran. Ahli Yang Berhormat dari Baling.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemindahan teknologi dan kepakaran yang dibincangkan juga dalam pertemuan itu, adakah Menteri Perdagangan kita telah menimbulkan masalah sikap Jepun yang berhati-hati di dalam soal pemindahan teknologi dan juga kepakaran di dalam melaksanakan atau menjalankan industri mereka di dalam negara ini. Misalnya, kalau kita mengambil contoh kilang-kilang elektronik kelihatan jelas bahawa sikap Jepun di dalam hal ini tidak memberi sepenuh usaha bagi pemindahan itu dan jika sekiranya Jepun memindahkan kilang itu ke negara lain, Malaysia tidak mungkin pada waktu ini dapat membina atau berdiri di atas kaki sendiri dalam industri elektronik ini. Adakah perkara itu juga ditimbulkan di dalam pertemuan tersebut dan apakah penjelasan daripada Kementerian Perdagangan di dalam masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat soalan tambahan, lain kali saya tidak benarkan soalan tambahan yang semacam ini—beranak-anak. (*Ketawa*)

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, pada pengalaman Kementerian saya dalam perkara pemindahan teknologi jika dibandingkan negeri Jepun dengan berapa negara Eropah Barat boleh dikatakan negeri Jepun lebih liberal. Ini pengalaman Kementerian saya dan saya rasa negeri Jepun memahami bagaimana penting kerjasama di antara negeri Jepun dan juga bukan sahaja Malaysia, tetapi juga negara-negara di ASEAN penting dan dengan ini dalam tahun-tahun yang lepas boleh dikatakan sikap negeri Jepun inipun telah berubah dan kita boleh katakan puas hati dengan langkah-langkah yang diambil untuk melatih warganegara Malaysia baik di kilang di sini atau kilang di negara Jepun dan saya rasa banyak pengusaha di negeri Jepun yang telah ada menanam modal di sini pun faham apakah aspirasi atau cita-cita rakyat Malaysia kita.

#### FELCRA—PROJEK PERTANIAN DI SARAWAK

2. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada berkemungkinan bagi FELCRA untuk memulakan projek pertanian di kawasan-kawasan yang berikut ini (a) Balleh, (b) Mujong, (c) Sut dan (d) Ga'at.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Abdul Jalal bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada cadangan bagi FELCRA untuk meluaskan kegiatannya di Sarawak di keempat-empat kampung yang dinamakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, mungkin perkara ini akan dapat dipertimbangkan selepas ketiga-tiga rancangan yang sedang dijalankan oleh FELCRA di Sarawak dilaksanakan dengan jayanya.

#### PESAKIT JANTUNG BERLUBANG

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang pertambahan bilangan kes-kes jantung berlubang dan lain-lain penyakit jantung di negara kita yang pada masa sekarang memerlukan biaya rawatan yang mahal di luar negeri oleh kerana kemudahan rawatan demikian masih belum ada di negara kita, jika sedar apakah tindakan yang telah diambil sehingga ini dalam mencari satu jalan penyelesaian kepada masalah ini dan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan satu pusat pembedahan jantung di Malaysia.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telahpun menjawab soalan yang seakan sama di Dewan yang mulia ini pada 27hb Oktober, tahun ini mengenai kes-kes pesakit jantung yang memerlukan rawatan. Setakat ini saya tidak ada apa-apa tambahan lagi di sini daripada apa yang telah saya terangkan dahulu, khususnya mengenai rancangan-rancangan Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini.

#### PENYUSUNAN KABINET BARU

4. **Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada "line-up" Kabinet beliau yang baru adalah "line-up" Kabinet yang terbaik sekali yang beliau boleh membuat, jika tidak, mengapa "line-up" Kabinet yang terbaik tidak dibuat.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, penyusunan Kabinet sama ada terbaik sekali ataupun tidak terpujanglah kepada pendapat seseorang. Kabinet yang saya susun baru-baru ini, pada hemat saya, adalah yang terbaik sekali.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, dalam penyusunan Kabinet baru-baru ini, saya suka bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada pemikiran ada diberi oleh Yang Amat Berhormat berkenaan hal ehwal pengguna di negara kita, dan jika ada, mengapa tidak ada satu Kementerian untuk pengguna ditubuhkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau baca Perlembagaan Artikel 43 itu terserah kepada Perdana Menteri dengan perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi tidak perlu dijawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dengan penyusunan Kabinet lebih kurang 1/3 Ahli-ahli Dewan Rakyat ini sudah jadi ahli Government Front Bench dan bukannya ini satu peratus yang sangat tinggi untuk mengadakan satu balance yang wajar antara Front Bench dan Back-Benchers?

**Perdana Menteri:** Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, itu terulanglah kepada Kerajaan dan kepada saya untuk menimbangkan sama ada hendak 1/3, lebih ataupun kurang.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini biasanya apakah kriteria telah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melantik atau merekomen Ahli-ahli menjadi Ahli-ahli dalam Jemaah Kabinet ini, adakah berasaskan kepada kepentingan politik dalam Barisan Nasional atau berasaskan kepada pengalaman, kelayakan dan kebolehan seseorang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itupun hendak tanya juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Itu terulanglah kalau hendak menjawab tetapi saya mengatakan menurut Artikel 43 dalam Perlembagaan sudah cukup.

**Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad!**

*(Soalan No. 5 Y.B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir)*

## BAHASA INGGERIS DI MESYUARAT AGUNG PARTI GERAKAN— PERDANA MENTERI

**6. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ucapan beliau dengan menggunakan Bahasa Inggeris di Perhimpunan Agung Parti Gerakan di Port Dickson baru-baru ini membayangkan ketidakpercayaan beliau kepada Bahasa Kebangsaan dan kalau sedar kenapakah hal ini patut berlaku.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menganggap bahawa ucapan saya dalam Bahasa Inggeris di Perhimpunan Agung Parti Gerakan di Port Dickson pada 17hb Ogos lalu sebagai tanda saya tidak percaya kepada Bahasa Kebangsaan.

Di Perhimpunan itu, saya telah berucap dalam Bahasa Kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana Perhimpunan itu amat penting, dan oleh kerana saya hendak memberi pandangan, pendapat dan nasihat kepada para perwakilan dan hadirin yang kebanyakannya tidak begitu fasih dalam Bahasa Kebangsaan, maka saya berucap juga dalam Bahasa Inggeris. Saya berbuat demikian supaya hadirin sekalian dapat memahami dengan sepenuhnya dan tepatnya pandangan, pendapat dan nasihat saya itu.

Saya berpendapat bila seseorang berucap, terutamanya di atas perkara-perkara yang serius, ia hendaklah menentukan bahawa apa yang diucapkannya itu dapat difahami sepenuhnya oleh hadirin. Di atas sebab itulah saya kadangkala menggunakan juga Bahasa Inggeris.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa Bahasa Kebangsaan setahun demi setahun telah berkembang dan akan menjadi satu daripada bahasa utama di dunia. Bahasa Kebangsaan adalah juga bahasa rasmi negara kita. Tetapi, ini tidaklah bermakna, pada hemat saya, seseorang itu tidak boleh langsung bercakap dalam Bahasa Inggeris, iaitu bahasa yang kedua, di atas sebab-sebab yang tertentu.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyakinkan bahawa perwakilan dalam persidangan MCA pada hari Sabtu, 1hb yang lalu telah dapat memahami Bahasa

Kebangsaan dengan elok oleh kerana itu Yang Amat Berhormat memberikan ucapan-nya dalam Bahasa Kebangsaan?

**Perdana Menteri:** Di dalam Perhimpunan Agung itu saya bercakap dalam Bahasa Kebangsaan dan juga dalam Bahasa Inggeris.

### **PELARIAN FILIPINA/PENDATANG HARAM INDOCHINA-INDONESIA**

**7. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hingga hari ini, bilangan orang pelarian dari Filipina di Sabah, bilangan pelarian Indochina masih ditempatkan di Malaysia, dan berapakah orang dari Indonesia di Malaysia (khususnya di Johor dan Melaka) masuk secara haram untuk mencari pekerjaan, bagaimanakah Malaysia akan bertindak untuk mengatasi ketiga-tiga masalah tersebut supaya keharmonian dan keselamatan kehidupan rakyat negara kita dapat diperlindungi.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang pelarian Filipina yang diberi perlindungan di negeri Sabah ialah 71,422 orang sementara pendatang-pendatang haram dari Indochina berjumlah 13,159 orang. Saya tidak dapat memberikan angka bilangan pendatang haram daripada Indonesia oleh kerana sangat sukar untuk mengumpulkan maklumat-maklumat ini memandangkan mereka telah masuk secara haram dan sempadan Malaysia-Indonesia beribu batu panjangnya. Bagaimanapun sejak tahun 1974 hingga bulan Jun 1980 seramai 7,324 orang rakyat Indonesia telah ditangkap dan diusir keluar. Orang-orang pelarian tersebut diberi perlindungan sementara di negeri ini untuk menanti penempatannya secara tetap di negara ketiga.

Mengenai pendatang-pendatang haram dari Indonesia, Kerajaan bukan sahaja mengambil tindakan mencegah mereka daripada bekerja bahkan bertindak mengawal kemasukan mereka. Pemeriksaan mengejut dibuat dari semasa ke semasa di kawasan-kawasan yang disyaki dan juga apabila diterima maklumat-maklumat daripada orang ramai dan di sinilah saya rasa Ahli Yang Berhormat itu harus memberi kerjasama.

Apabila dikesan, pendatang-pendatang haram ini ditangkap, dihadapkan ke mahkamah dan seterusnya diusir keluar dari negeri ini. Dalam memperketatkan kawalan, Jabatan Imigresen dan pasukan keselamatan sentiasa membuat rondaan-rondaan di sepanjang perairan kita dan juga di perbatasan-perbatasan. Kerajaan telah memesan 4 buah kapal terbang untuk tujuan membantu mempertingkatkan rondaan-rondaan ini. Di samping itu kerjasama yang erat telah dijalin dengan negara-negara jiran seperti Indonesia sendiri, Thailand dan Singapura.

Sebagai langkah seterusnya pihak Penguatkuasaan Jabatan Imigresen juga diperkokohkan dengan tambahan kakitangan yang sekarang berjumlah 321 orang. Kerajaan mengesyaki kemasukan orang-orang Indonesia ini diuruskan oleh sindiket-sindiket dan masalah ini sukar untuk diatasi. Namun begitu pihak berkuasa sentiasa mencari segala ikhtiar untuk mematah dan menghapuskan sindiket-sindiket ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada disebutkan bahawa kemasukan orang-orang Indonesia ke mari ialah dijalankan oleh sindiket-sindiket yang tertentu. Jadi saya hendak tahu kalau boleh pihak Yang Berhormat memberikan butir-butir lanjut tentang sindiket-sindiket ini dan sama ada benar bahawa yang banyak membawa masuk orang-orang Indonesia secara haram ke sini ialah taukeh-taukeh pemaju rumah yang mendapati orang Indonesia ini boleh dibayar gaji dengan murah dan mereka ini dieksploitkan tenaga mereka di negeri ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Kita tidak mempunyai bukti sindiket-sindiket yang sedemikian yang mengatur kedatangan pendatang haram dari Indonesia.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh merasa hairan mengapa pelarian-pelarian dari Indochina, Kerajaan Malaysia sanggup mendapat angka-angka dan mencegah mereka masuk di Pantai Timur yang juga sama panjangnya dari segi Geography di Pantai Barat. Apa sebab Kerajaan tidak boleh mendapat satu angka mengenai kemasukan

pendatang-pendatang haram dari Indonesia? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan alasannya?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya telah menyatakan tadi bahawa sempadan antara Malaysia-Indonesia begitu panjang beribu-ribu batu, dan kita ada sempadan laut dan kita juga ada sempadan darat. Saya tidak menyatakan kita tidak mampu tetapi saya menyatakan masalah itu begitu besar dan angkanya tidak mungkin didapati secara tepat. Tetapi mereka yang datang dari Indo-China datang dari tempat yang tidak satu sempadan dengan kita dan mereka juga datang cara yang terbatas dan dengan cara yang dapat kita kesan di tengah-tengah laut dan apabila mereka mendarat kita juga dapat mengenali mereka sewaktu mereka mendarat itu. Tetapi bagi orang-orang daripada Indonesia sebagaimana saya katakan tadi mereka mempunyai sempadan yang begitu panjang dengan kita.

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa masalah pendatang haram ini adalah merupakan satu masalah yang universal yang dihadapi oleh semua negeri-negeri yang maju. Dan banyaknya pendatang haram yang datang dari Indonesia dan Filipina adalah secara kebetulan sahaja memandangkan Malaysia ini lebih maju dari Indonesia dan juga Filipina dan memandangkan kedua-dua negeri ini adalah berjiran sekali jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Kedatangan orang dari satu negara ke satu negara yang lain tidak semestinya bergantung kepada kema-juan di satu-satu negara itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Oleh kerana masalah pendatang haram daripada Indonesia ke Malaysia khususnya ke Semenanjung Malaysia bukan satu masalah yang baru timbul tetapi satu masalah yang sudah lama, beberapa tahun di mana bukan sahaja banyak orang tahu tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh pun ada menyuarakan masalah ini sungguhpun ada ditekankan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tidakkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada satu estimate sekurang-kurangnya berapa orang pendatang haram

sampai ke Semenanjung Malaysia, 100, 1,000, 10,000 atau 100,000 orang supaya satu strategi boleh diadakan oleh pihak Kerajaan untuk menghadapi masalah ini. Jikalau ada satu estimate, berapakah estimate itu.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai sebarang estimate kerana apabila sahaja kita mengesan pendatang haram Indonesia kita terus mengambil tindakan terhadap mereka dan jumlah 7,324 orang ini adalah orang-orang yang telah dikesan.

Bagi orang-orang yang datang dari Indo-China kita tidak dapat mengusir mereka balik ke Indo-China kerana keadaan mereka di sana, kita terpaksa tunggu negara ketiga. Begitu juga pelarian daripada Filipina kita tidak dapat mengusir mereka balik kerana kedatangan di negara asal mereka.

Bagi rakyat Indonesia apabila mereka datang dan kita mengesan mereka, kita terus bertindak dan jumlahnya adalah 7,324 orang; jadi sebarang estimate akan memberi gambaran yang tidak betul kerana jumlah yang kita estimate itu semestinya kita sudah ambil tindakan ke atas mereka.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah beliau sedar di Pahang Tenggara dan Johor Tenggara 80% pekerja-pekerja adalah Indonesian refugees. Jikalau sedar, bolehkah beliau tubuhkan satu task force seperti Task Force VII untuk menyiasat di Bukit Ibam dan Johor Tenggara.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Mengawasi buruh di dalam negara ini adalah luar tugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar di pantai Port Dickson ada beberapa kem-kem yang boleh jadi permanent untuk pendatang haram Indonesia. Dan pendatang haram itu ada berniaga beberapa lama di antara Port Dickson dan Indonesia. Oleh kerana itu sampai sekarang tidak ada tindakan untuk menghalau pendatang haram ini, apakah langkah Kerajaan untuk menghapuskan pendatang-pendatang haram dari luar negeri ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya tidak sedar adanya tempat-tempat begini, tetapi saya sedar adalah sangat susah untuk membezakan orang-orang Negeri Sembilan yang berketurunan Minangkabau dengan orang-orang Minangkabau Indonesia.

## PERSIDANGAN KETUA NEGARA KOMANWEL DI NEW DELHI

**8. Tuan Haji Ampong bin Puyon** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan yang dicapai dari kacamata Kerajaan Malaysia dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Serantau Komanwel di Delhi baru-baru ini;
- (b) adakah beliau mengambil kesempatan dari persidangan tersebut bertukar-tukar fikiran dengan Perdana Menteri India, Puan Indira Ghandi mengenai pengiktirafan negara itu terhadap regim boneka Heng Samrin dan sebab-sebab sebenarnya di sebalik pengiktirafan; dan
- (c) apakah pandangan negara-negara Komanwel yang lain terhadap berkaitan dengan tindakannya mengiktiraf regim boneka di Kampuchea itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), saya telah menjawab soalan seperti ini bila menjawab soalan No. 14 daripada Yang Berhormat Tengku Noor Asiah, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 13-10-80 ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

Mengenai soalan (b), saya telah bertukar-tukar fikiran dengan Perdana Menteri India mengenai pengiktirafan Kerajaan India terhadap Heng Samrin. Kerajaan India mempunyai pendirian dan dasar luarnya sendiri. Perdana Menteri India telah menerangkan bahawa regim Heng Samrin adalah Kerajaan yang berkuasa di Kampuchea, dan ini adalah satu daripada asas yang digunakan oleh sesebuah negara untuk mengiktirafkan sebuah negara lain. Di samping itu Perdana Menteri itu bersetuju supaya penyelesaian politik diusahakan.

Mengenai soalan (c), pendapat negara-negara Komanwel yang lain adalah berbeza-beza.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu apakah pula alasan balas daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Perdana Menteri India terhadap alasan-alasan Malaysia mengukui pula rejim Pol Pot.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah saya terangkan di Dewan Rakyat ini dan juga penerangan Menteri Luar Negeri iaitu kita mengemukakan pandangan kita iaitu pandangan ASEAN terhadap masalah di Kampuchea. Dan pandangan kita kenapa yang kita mengiktiraf rejim Pol Pot itu, semua pandangan-pandangan ini telah dikemukakan kepada Perdana Menteri India dan sebagaimana yang saya katakan India itu mengambil pendiriannya sendiri di atas masalah ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kenyataan bersama yang telahpun dikeluarkan selepas persidangan ini semua negeri termasuk Kerajaan Indira Ghandi telahpun menandatangani kenyataan supaya rakyat Kampuchea diberi kebebasan untuk memilih Kerajaan mereka sendiri. Adakah kandungan kenyataan bersama itu consistent atau selaras dengan pengiktirafan India terhadap rejim Heng Samrin.

**Perdana Menteri:** Jawapannya, ya.

## UNDANG-UNDANG UNTUK KILANG-KILANG

**9. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan mewajibkan kilang-kilang yang mempunyai lebih 100 pekerja menubuhkan satu Jawatankuasa Keselamatan Pekerja supaya kesihatan dan keselamatan pekerja akan dapat dikawal dengan sempurna; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian saya belum lagi bercadang mengadakan Undang-undang untuk Kilang-kilang sama ada besar ataupun kecil menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan di tempat-tempat mereka. Walau bagaimanapun, kami bersetuju Jawatankuasa-jawatankuasa seperti ini boleh memainkan satu peranan yang

penting bagi menggalakkan perasaan dan peraturan tentang keselamatan pekerja-pekerja dan suasana pekerjaan. Dengan tujuan itu, Kementerian saya telah menggalakkan dan membantu dalam penubuhan Jawatankuasa seperti ini di Kilang-kilang, secara sukarela. Terdapat banyak Kilang-kilang di mana Jawatankuasa ini, yang mengandungi pihak pengurusan dan pekerja, telah berjaya memajukan keadaan keselamatan.

Pada masa ini, adalah dirasai bahawa pendekatan (approach) sukarelaan terhadap perkara ini ialah lebih tepat. Kita haruslah ingat bahawa soalan keselamatan adalah merupakan satu sikap yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada cara-cara berfikir kepada tiap-tiap pekerja. Cara paksaan terhadap soal ini ataupun kepada penubuhan Jawatankuasa Keselamatan mungkin tidak akan dapat mempengaruhi fikiran yang dikehendaki ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dalam kilang-kilang pihak majikan ada digalakkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan untuk pekerja dengan sukarela. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam banyak kilang-kilang yang saya tahu, misalnya dalam kawasan saya, pihak majikan nampaknya tidak ada mengambil berat tentang hal ehwal keselamatan untuk pekerja dan langsung tidak ada menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Pekerja. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan bahawa semua kilang-kilang patutlah di harus menubuhkan jawatankuasa itu?

**Datuk K. Pathmanaban:** Perkara menubuhkan jawatankuasa, itu saya telah jawab dalam jawapan saya tadi. Adakah Kementerian saya sedar tentang majikan-majikan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang Kementerian sedar bahawa ada setengah majikan yang tidak mengambil berat tentang keselamatan pekerja tetapi malangnya ada juga pihak pekerja termasuk kesatuan-kesatuan sekerja yang tidak juga mengambil berat mengenai perkara ini. Dan keselamatan, saya rasa adalah tanggungjawab semua pihak dan Kementerian saya sedang mempergiatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kesanggupan di kilang-kilang.

**Tuan Chan Teck Chan:** Kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tiap-tiap tahun ada 350 nyawa terkorban dalam kilang perusahaan dan seramai 13,000 rakyat Malaysia adalah dcederakan dalam kemalangan perusahaan dan 500,000 working days sudah hilang. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apa sebab kilang-kilang ini tidak diwajibkan dengan mengujudkan satu undang-undang untuk mengawasi keselamatan kaum pekerja.

**Datuk P. Pathmanaban:** Angka-angka yang Ahli Yang Berhormat beri itu adalah angka kita bukan angka beliau dan kita memang sedar tentang angka-angka itu tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa jika hendak dikaji angka-angka mengenai kadar kecederaan atau kemalangan di kilang-kilang, kita harus ingat bahawa kadar kecederaan itu sedang kurang tahun demi tahun. Boleh saya katakan di sini bahawa pada tahun 1974 kadar kemalangan itu iaitu peratusan kemalangan dari jumlah tenaga pekerja kita pada tahun 1974 lebih daripada 7% dan pada pada tahun 1979 dianggap sebagai 3.9% sahaja. Angka-angka itu menunjukkan bahawa ada kemajuan dalam bidang ini.

#### MISC-BALASEM TRADING COMPANY KUWAIT—USAHASAMA

**10. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah syarat-syarat perjanjian di antara Syarikat Malaysia International Shipping Corporation dengan:

(a) Arab Container Line;

(b) Balasem Trading Co. Kuwait; dan

dengan berapa buah negarakah Syarikat Perkapalan ini dapat meluaskan perkhidmatannya.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah mengadakan suatu usahasama (joint-venture) dengan Balasem Trading Co. dari Kuwait pada 2-8-80 dengan menubuhkan sebuah syarikat yang bernama Syarikat MISC-Arabian Container Line Limited. Arab Container Line tidak mengambil bahagian di dalam perjanjian usahasama itu.

Saya tidak dapat memberitahu syarat-syarat perjanjian itu oleh kerana ianya adalah rahsia perniagaan (commercial secrets). Saya hanya dapat memberitahu tentang modal dan perkhidmatannya. Modal syarikat itu ialah sebanyak US \$1 juta, terbahagi kepada MISC 50% dan Balasem Trading Co. 50%.

Syarikat itu akan menjalankan perkhidmatan perkapalan kontena ke Timor Jauh, Timor Tengah, India, Sri Lanka, Bangladesh dan Pakistan. Jika berjaya, syarikat itu akan meluaskan perkhidmatannya ke negeri-negeri lain.

Pada masa ini syarikat itu telah menyewa tiga buah kapal dan telah memulakan perkhidmatannya ke Kobe, Tokyo, Hong Kong, Singapura, Dubai, Dammam, Kuwait, Bombay dan Cochin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan Arab Container Line, satu syarikat tempatan atau syarikat asing atau joint-venture; kalau syarikat tempatan, siapa yang punya Arab Container Line dan juga Balasem Trading.

**Perdana Menteri:** Arab Container Line itu tak ada masuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengatakan Arab Container Line tidak campur.

**Perdana Menteri:** Tidak masuk campur dalam joint-venture ini.

## RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (PERCUMA) DAN BUKU TEKS PERCUMA

**11. Tuan Karpal Singh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya akan menimbang untuk memperluaskan skim makanan dan buku-buku teks percuma kepada semua sekolah-sekolah tanpa mengira sama ada sekolah-sekolah tersebut adalah sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rancangan Makanan Tambahan

(Percuma), ianya memang telah diperluaskan ke semua sekolah-sekolah di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak tanpa mengira jenis-jenis sekolah, mulai awal tahun 1980.

Walau bagaimanapun, jumlah bilangan murid-murid yang diberi makanan tambahan ini berbeza antara satu sekolah dengan satu sekolah yang lain, berdasarkan kepada:

- (i) Kedudukan sekolah,
- (ii) Saiz sekolah.

Ini bermakna sekolah-sekolah yang terletak dalam kawasan Amalan Makanan dan Perumahan dan sekolah-sekolah yang kecil diberi keutamaan.

Bagi Skim Pinjaman Buku-buku Teks, Kementerian Pelajaran memang telah memanjangkan skim tersebut ke semua sekolah-sekolah Kerajaan tanpa mengira sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Skim Pinjaman Buku-buku Teks Percuma kepada murid-murid sekolah rendah, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian beliau dapat menimbang iaitu taraf pendapatan kadar yang terdapat pada hari ini iaitu \$500 sebulan bagi tiap-tiap murid itu ataupun pendapatan \$500 bagi seorang ibubapa yang tidak membolehkan anaknya menerima bantuan itu dinaikkan lagi katakan kepada \$700 atau \$800 memandangkan keadaan inflasi pada hari ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengadakan Rancangan Pinjaman Buku-buku Teks ialah untuk menolong keluarga-keluarga khususnya ibubapa yang miskin. Jadi jikalau seorang ibubapa yang dapat pendapatan lebih \$500 dia hanya dapat menanggung dua orang anak sahaja untuk bersekolah—menanggung untuk membeli buku-buku teks. Jadi kalau hendak meningkatkan kadar itu daripada \$500 kepada \$700 atau \$800 ini bermakna memandangkan jikalau ada kesusahan lebih ramai ibubapa membuat rayuan itu, barangkali kita boleh timbangkan perkara itu. Oleh kerana negara kita dari setahun ke setahun sudah bertambah makmur, tentulah kita

dapat memberikan kesenangan lebih kepada rakyat kita. Ini memang kita boleh timbangkan.

**Datuk Yusof bin Malim Kundang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bahawa sekolah-sekolah yang terlibat dengan Amalan Makanan dan Permakanan (AMP) ini peruntukan yang diberi 20 sen satu kepala itu tidak mencukupi sehingga payah hendak mendapatkan pemborong. Jadi, adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak menambahkan peruntukan pada tahun 1981?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian pun sedar oleh kerana cuma 20 sen bagi satu kepala untuk makanan ini tentulah barangkali tidak mencukupi. Jadi kita pun ada menimbangkan perkara ini barangkali peruntukan sekepala dapat ditingkatkan lagi pada masa yang akan datang.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bolehkah beri satu penjelasan mengenai makanan percuma untuk murid-murid ini, adakah beri kontrak atau guru besar beri suka-suka sahaja kepada siapa-siapa kontrak. Kalau ada . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa lagi ekor itu, sudah—cukuplah.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan makanan tambahan percuma ini adalah satu aktiviti dapat diberikan kepada sekolah. Tujuannya ialah dapat memberikan makanan tambahan dengan zat yang baik kepada murid-murid yang miskin yang barangkali dari segi kesihatan yang tidak berapa baik, jadi murid-murid ini khasnya sekolah-sekolah dalam kawasan "depressed" kawasan itu kita sangat berikan perhatian yang berat. Kita cuma berikan peruntukan kepada sekolah itu tetapi pihak sekolah dengan pihak kerjasama PIBG, Lembaga Sekolah dan sebagainya dengan guru-guru dapatlah menganjurkan supaya satu kegiatan sekolah untuk memberikan tambahan makanan ini kepada murid-murid khasnya pada masa pagi bila mereka belum memasuki bilik darjah untuk pelajaran mereka.

## LEMBAGA AMANAH KOLEJ MALAYA—SEWA BULANAN

**12. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah sewa bulanan yang dikenakan oleh Lembaga Amanah Kolej Malaya kepada Kementerian Pelajaran kerana menggunakan bangunan Kolej Islam Malaya di Jalan Universiti Petaling Jaya sebagai sebahagian daripada Universiti Kebangsaan dan kemudian sebagai Maktab Perguruan Islam dari sejak Universiti Kebangsaan itu ditubuhkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mula menggunakan bangunan Kolej Islam Malaya di Jalan Universiti, Petaling Jaya pada awal tahun 1971. Pihak Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya tidak menegenakan apa-apa sewa ke atas Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menggunakan bangunan-bangunan tersebut. Walau bagaimanapun, daripada tahun 1971 hingga tahun 1977, Universiti Kebangsaan Malaysia telah dikenakan membayar cukai tanah bagi pihak Kolej Islam Malaya seperti berikut:

- (i) Di atas kadar \$6,150 setahun bagi tempoh masa antara 1971 hingga 1974.
- (ii) Di atas kadar \$19,602 setahun bagi tempoh masa antara 1975 hingga 1977.

Di samping itu Universiti Kebangsaan Malaysia telah juga membayarkan Carum Bantuan Hasil Tahunan untuk bangunan-bangunan Kolej Islam Malaya yang digunakannya iaitu sebanyak \$3,895 setahun.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah pihak Lembaga Kolej Islam itu tidak mengenakan apa-apa sewa adalah hasil daripada desakan ataupun hasil daripada perbincangan antara pihak Kementerian Pelajaran dengan Lembaga itu dan juga berasaskan kepada janji daripada pihak Kementerian Pelajaran bahawa Universiti Kebangsaan ataupun Fakulti Islam Universiti Kebangsaan itu akhirnya akan dijadikan sebagai Universiti Kolej Islam Malaya pada masa ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu soalan lain.

## KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA

**13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan adanya jalanraya yang baik dan lurus di negeri ini menyebabkan banyak berlaku kemalangan disebabkan tidak ada had laju maksima. Adakah beliau bercadang dalam masa Kempen Keselamatan Jalanraya ini diadakan bukan sahaja diberi sivik kepada kanak-kanak sekolah tetapi juga kepada pemandu lori/teksi dan sekiranya didapati ada di antara pemandu yang terlibat dengan kemalangan itu, lesennya hendaklah digantungkan selama 6 bulan di samping penalti yang berat dikenakan. Jika tidak, mengapa.

**Dr Goh Cheng Teck:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tidak sedar bahawa beberapa jalanraya-jalanraya yang baru dibina, seperti lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuh raya Kuala Lumpur-Petaling Jaya pun telah diwartakan dengan had laju maksimumnya. Di samping itu saya suka juga memaklumkan bahawa kenderaan-kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam telah juga dikenakan had laju maksima di kenderaan masing-masing yang mesti dipatuhi oleh pemandu kenderaan tersebut.

Tentang mengadakan pengajaran-pengajaran sivik terhadap pemandu-pemandu lori dan teksi itu, Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia di Kementerian saya memang ada menjalankan acara-acara tersebut dalam kempen-kempen tahunannya. Di samping itu Majlis juga memberi kerjasama kepada sebuah syarikat motor yang mengendalikan sebuah pusat latihan lanjutan memandu untuk memberi ajaran-ajaran percuma kepada pemandu-pemandu kenderaan berat sebagai usaha bagi meninggikan taraf pemanduan dan sikap bertertib di jalanraya di kalangan pemandu-pemandu kenderaan berat tersebut.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat menggantung lesen dan mengenakan penalti yang berat terhadap pemandu-pemandu lori dan teksi yang tidak mematuhi undang-undang lalulintas, perkara ini memang ada dilakukan oleh pihak-pihak agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan bas-bas ekspres dan juga lori-lori, pemandunya memandu lori-lori dan bas-bas ini terlampau laju di atas jalan-jalan yang lurus, misalnya, di antara Tanjong Malim dan juga Slim River dan di antara Kuala Lumpur dengan Seremban sedangkan kenderaan berat ini mempunyai had laju maksima masing-masing. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah satu tindakan yang lebih berkesan untuk menyekat pemandu-pemandu ini memandu lebih daripada laju maksima yang sedia ada.

**Dr Goh Cheng Teck:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasa undang-undang memanglah menjadi langkah yang mustahak untuk mengurangkan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di samping itu Kementerian pun menggunakan musim Hari Raya misalnya untuk menjalankan kempen menggalakkan pemandu-pemandu kenderaan, khususnya pemandu-pemandu lori dan bas ekspres supaya memandu dengan selamat, misalnya, besok bersempena dengan Hari Deepavali yang akan diadakan Kementerian pun akan melancarkan kempen seperti yang dijalankan pada masa Hari Raya.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Majlis Keselamatan Jalanraya telahpun mengadakan pelajaran sivik kepada pemandu-pemandu lori dan teksi. Saya ingin tahu adakah jenis pelajaran sivik ini termasuk juga pelajaran atau kursus-kursus singkat yang diberi secara langsung kepada pemandu-pemandu berkenaan selain daripada kempen melalui mass media tempatan. Sekiranya perkara ini belum lagi dijalankan, adakah pihak Kementerian beliau bercadang untuk mengadakan kursus-kursus sivik, katakan, untuk sehari dalam tiap-tiap 6 bulan atau setahun kepada pemandu-pemandu lori atau pemandu-pemandu teksi.

**Dr Goh Cheng Teck:** Tuan Yang di-Pertua, pengajaran sivik yang saya sebutkan ialah satu pengajaran secara umum yang dijalankan melalui kempen-kempen tahunan. Tidak ada kursus-kursus sivik sebab susah sekali mengumpul pemandu-pemandu untuk menghadiri kursus-kursus seperti ini. Walau bagaimanapun, ada sebuah syarikat sektor swasta, iaitu Cycle and Carriage (Bintang) Berhad yang menganjurkan sebuah pusat latihan lanjutan memandu sejak tahun 1975

ini dan pihak Kementerian memberi kerjasama kepada usaha sektor swasta ini dan lebih kurang 1,500 orang pemandu kenderaan berat pun telah diberi latihan oleh agensi ini di mana pemandu-pemandu diajarkan memandu dengan sikap sivik.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sepanjang lebuh raya dari Kuala Lumpur/Seremban khususnya di bahagian Serdang dan lima batu dari Seremban sudah tenggelam dan juga beberapa bahagian di sepanjang Lebuh raya Kuala Lumpur/Seremban, umpamanya lima batu dan dua batu dari Seremban isyarat-isyarat keselamatan sangat-sangat tidak memuaskan sehingga selalu membawakan kecelakaan jalanraya yang sangat serius dan dahsyat?

**Dr Goh Cheng Teik:** Terima kasih atas makluman itu dan Kementerian saya akan memanjangkan perkara itu kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

#### BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

**14. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengkaji semula peruntukan bantuan ke sekolah-sekolah dalam perkara:

- (a) Peruntukan LPBY/LPK
- (b) Peruntukan Sains/Hisab
- (c) Peruntukan Perpustakaan
- (d) Peruntukan Senilukis.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran memang sedang mengkaji kadar-kadar bantuan kewangan yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Kajian ini apabila selesai kelak akan dapat membolehkan Kementerian ini mencadangkan satu kadar baru yang sesuai dengan keadaan sekarang dan diharapkan cadangan kadar baru ini akan dapat dikemukakan kepada pihak yang berkuasa untuk diluluskan bagi dilaksanakan kalau boleh dalam tahun 1981 nanti.

Berhubung dengan pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah bagi perkara-perkara yang disebutkan dalam soalan Ahli Yang

Berhormat itu, kadar-kadar pemberian ini sedang dikaji juga oleh Kementerian saya dan kadar-kadar baru akan dicadangkan selepas siapnya kajian ini. Diharapkan kadar-kadar baru ini akan dapat dikemukakan untuk dilaksanakan dengan secepat mungkin.

#### PENUNTUT SWASTA MALAYSIA

**15. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai penuntut swasta Malaysia telah melanjutkan pelajaran mereka di Negara-negara Barat selain daripada Negeri England, dan penuntut-penuntut ini memperoleh tempat-tempat pelajaran melalui ajensi-ajensi tempatan yang mendapat keuntungan yang besar daripada penuntut kita. Jika ya, adakah Kementerian ini bercadang supaya membuat peraturan pelajaran tinggi ini dengan Kerajaan-kerajaan tertentu agar penuntut-penuntut kita tidak dieksploitkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar atas aktiviti-aktiviti agensi-agensi yang dimaksudkan itu. Yang sebenarnya agensi-agensi tempatan ini telahpun ada berhubungan terusmenerus dengan institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri yang dimaksudkan itu secara pelaporan persendirian. Bakal-bakal pelajar swasta tempatan telah pergi kepada agensi-agensi ini dengan sendirinya dan memang sukar untuk Kerajaan mengawalkan. Dalam pada itu Kerjaan-kerajaan Negeri yang dimaksudkan itu juga tidak ada kuasa untuk mengawalkan peraturan sendiri seperti ini kerana keadaan di negeri-negeri yang berkenaan adalah lebih longgar daripada Malaysia terhadap soalan ini. Oleh itu, peraturan dengan Kerajaan-kerajaan tertentu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak akan dapat memberi kesan yang diharapkan.

#### GURU-GURU KATEGORI C-1

**16. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa peluang-peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru kategori C-1 adalah sedikit dan terhad malahan tidak ada langsung. Jika ya, nyatakan sebabnya; jika tidak, nyatakan berapa ramaikah mereka di dalam kategori C-1 yang telah berjaya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru kategori C-1 tidak ada langsung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peluang-peluang pangkat guru-guru kategori C-1 itu adalah sama jika dibandingkan dengan kategori-kategori yang lain. Walau bagaimanapun, peluang-peluang kenaikan pangkat itu adalah tertakluk kepada kekosongan dalam jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang wujud. Pada tahun 1980 jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi kategori C-1 dalam Perkhidmatan Pelajaran adalah sebanyak 591.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pada tahun ini sahaja jumlah Pegawai Perkhidmatan Pelajaran kategori C-1 yang telah diluluskan memangku dengan tujuan naik pangkat adalah seramai 341 orang dan di antaranya 106 orang telahpun disahkan atau dinaikkan pangkat ke jawatan mereka. Sekarang ini Kementerian saya sedang memproseskan urusan kenaikan pangkat ke atas mereka yang masih memangku jawatan-jawatan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, No. 17 hingga 27 adalah diberi di bawah ini)*

#### UJIAN LESEN MEMANDU— RASUAH/PENYELEWENGAN

**5. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa rasuah dan penyelewengan sentiasa berlaku semasa menguji lesen memandu melalui sekolah-sekolah memandu persendirian. Jika ya, adakah Kerajaan bercadang hendak menyediakan sekolah-sekolah memandu hakmilik Kerajaan dan dikendalikan oleh Badan Kerajaan yang lebih teratur dan kemas.

**Dr Goh Cheng Teik:** Saya sedar tentang kemungkinan perbuatan-perbuatan rasuah serta penyelewengan yang berlaku semasa menguji lesen memandu melalui sekolah-sekolah memandu persendirian. Kalau bukti didapati, tindakan sentiasa diambil untuk melaporkan kepada pihak yang berkuasa, iaitu Biro Siasatan Negara.

Perjalanan sekolah-sekolah memandu adalah dikawal oleh sebuah Jawatankuasa Permit Sekolah Memandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya.

Dalam pada itu ada beberapa tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan perbuatan rasuah dan penyelewengan. Langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (a) melaksanakan ujian memandu secara berperingkat yang telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia semenjak 1hb September 1978;
- (b) memperkenalkan ujian bertulis bagi Undang-undang Jalanraya yang dapat disemak markahnya secara objektif dan adil. Ujian bertulis ini telahpun diperkenalkan hampir di seluruh negeri Semenanjung Malaysia dan sambutan daripada orang ramai adalah menggalakkan.
- (c) menggantung permit sekolah-sekolah memandu yang didapati terlibat dalam perbuatan rasuah atau penyelewengan.

Setakat ini Kementerian saya tidak bercadang untuk Kerajaan mengendalikan sekolah-sekolah memandu memandangkan bahawa ada beberapa implikasi yang timbul mengenai cadangan ini.

#### BEKALAN AIR DI NEGERI PERAK

**17. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah benar bahawa lebih daripada 75% projek pembekalan air di negeri Perak tidak dapat dilaksanakan dalam tahun 1979 dan sebab yang utama adalah disebabkan dua buah syarikat pemborong bekalan batang paip tidak dapat menyediakan batang-batang paip sebagaimana yang dikehendaki, jika benar apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasinya.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk S. Samy Vellu):** Tuan Yang Dipertua, memang adalah benar bahawa di negeri Perak telah terdapat sedikit kelewatan dalam melaksanakan projek pembekalan air ke kawasan luar bandar yang disebabkan oleh kerumitan pembekalan paip-paip A.C. oleh kedua-dua pemborong berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 197 projek pembekalan

air luar bandar telahpun diluluskan untuk tahun 1979 bagi negeri Perak, dan dari jumlah itu 79 projek (iaitu 43%) telah dapat dilaksanakan sehingga Disember 1979. Pencapaian angka projek tersebut telah dapat dilaksanakan dengan menggunakan paip-paip yang sedia ada di dalam stok. Walau bagaimanapun, kesemua 197 projek tersebut telah sekarang dilaksanakan. Masalah utama yang menyebabkan kelewatan melaksanakan projek-projek tersebut dalam tahun 1979, ialah kerana kerumitan mendapatkan pembekalan batang-batang paip A.C. Paip-paip tersebut telah dipesan dalam tahun 1979 dan hingga penghujung tahun 1979 hanya 75% daripadanya telah dapat dibekalkan. Di antara sebab-sebab penting pemborong-pemborong bekalan batang paip tersebut tidak dapat memenuhi pesanan sepenuhnya dalam jangka masa yang telah ditetapkan, ialah masalah pekerja-pekerja dan juga kerosakan mesin-mesin kilang-kilang mereka yang kerap berlaku. Untuk mengelakkan kerumitan mendapatkan pembekalan paip-paip ini, mulai dari awal tahun ini pihak Ibu Pejabat JKR telah mengadakan perbincangan dari masa ke masa dengan pembekal-pembekal supaya dengan demikian dapat mengesan keadaan pembekalan dan permintaan barang-barang tersebut.

#### **WARGANEGARA MALAYSIA— BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA**

**18. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan pengasingan warganegara Malaysia ke dalam bumiputra dan bukan bumiputra kerana ini telah menghasilkan perpecahan dan kepahitan di kalangan jenerasi muda rakyat Malaysia dan menganggapkan semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum yang dilahir di Malaysia selepas Hari Merdeka pada 31hb Ogos, 1957 sebagai bumiputra.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan pengasingan Warganegara Malaysia ke dalam bumiputra dan bukan bumiputra.

#### **GAJI GURU-GURU AKIBAT PERTUKARAN**

**19. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan dalam setengah daripada guru-guru selepas ditukarkan dari sekolah-sekolah lain umpamanya dari Sarawak (Malaysia Timur) ke Melaka (Semenanjung) tidak menerima gaji mereka selama hampir setahun dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya perkara seperti ini tidak akan berulang di masa hadapan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah binti Mohamed memang ada kemungkinannya berlaku kerana Laporan Gaji Akhir yang sepatutnya diterima oleh sekolah yang baru di mana guru yang berkenaan telah ditempatkan lambat diterima dan dengan itu gajinya tidak dapat dibayar sehinggalah Laporan Gaji Akhirnya diterima. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah ini hanya berlaku dalam kes yang tertentu sahaja dan bukanlah sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan setengah daripada guru-guru yang bertukar itu mengalami kelambatan pembayaran gaji. Contoh yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pertukaran guru daripada Sarawak ke Melaka yang dikatakan tidak menerima gaji hamoir setahun itu hanyalah terdapat satu kes sahaja yang telahpun selesai dan kelambatan membayar gaji itu tidaklah sampai setahun sebagaimana yang dikatakan. Ketua-ketua Jabatan telah diarahkan oleh Kementerian saya supaya menyediakan Sijil Gaji Akhir bagi pegawai-pegawai yang bertukar sebaik sahaja mereka meninggalkan jawatan lamanya untuk dihantar melalui saluran tertentu kepada Ketua Jabatan yang menerimanya supaya gaji pegawai yang bertukar itu dapat dibayar seterusnya.

#### **DUTI IMPORT BAJA**

**20. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteriannya untuk mengurangkan duti import terhadap baja ke negeri Sarawak supaya petani-petani kita yang miskin tidak akan

merasa akibat yang teruk oleh harga baja yang tinggi di mana satu kampil sekarang berharga \$50 (sekampil beratnya 50 kilo).

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Bukan semua jenis baja yang diimport ke Malaysia termasuk Sarawak dikenakan duti import. Duti import sebanyak \$44.29 setonne hanya dikenakan ke atas jenis-jenis baja yang ada dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan. Pengenaan duti import ini adalah bagi tujuan memberi perlindungan tarif kepada pengeluar-pengeluar tempatan itu supaya baja-baja yang mereka keluarkan dapat bertanding dengan baja-baja yang diimport dari segi kualiti, dan sebagainya. Oleh itu, perlindungan yang diberi melalui pengenaan duti import ini akan dikaji dari masa ke semasa. Sekiranya kajian-kajian ini

membuktikan bahawa pengeluar-pengeluar tempatan itu tidak lagi memerlukan perlindungan, maka langkah-langkah sewajarnya akan diambil untuk mengurangkan atau menghapuskan duti import itu.

### SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH CINA/TAMIL

**21. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlahnya fund untuk membelanjakan penubuhan dan perkembangan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dalam lima tahun dengan membentangkan bilangan masing-masing bagi setiap tahun dan apa langkah-langkah yang telah diambil untuk menyediakan lebih banyak fund bagi penubuhan dan perkembangan sekolah-sekolah ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil pada lima tahun yang lepas iaitu dari tahun 1976 sehingga bulan Ogos 1980 ialah seperti berikut:

(a) *Bantuan Modal*

Tahun	Bilangan Sekolah dan Jumlah bagi Sekolah-sekolah Cina (Bukan Milik Kerajaan)		Bilangan Sekolah dan Jumlah bagi Sekolah-sekolah Tamil (Bukan Milik Kerajaan)	
	Bilangan Sekolah	Jumlah	Bilangan Sekolah	Jumlah
1976	121	\$ 563,460	39	\$ 193,150
1977	153	755,740	66	274,845
1978	245	1,882,830	145	704,160
1979	108	862,968	4	22,250
1980	29	620,000	2	9,000
(Sehingga bulan Ogos)		\$ 4,684,998		\$ 1,203,405

(b) *Bantuan Penuh Kerajaan*

Tahun	Bilangan Sekolah dan Jumlah bagi Sekolah-sekolah Cina (Bantuan Penuh Kerajaan)	Bilangan Sekolah dan Jumlah bagi Sekolah-sekolah Tamil (Bantuan Penuh Kerajaan)
1976-1980..	329 \$34,848,866	86 \$10,248,020

### REGROUPING SCHEME SEKOLAH-SEKOLAH DI LADANG

**22. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah di ladang-ladang yang telah dikumpulkan iaitu di bawah "regrouping scheme" dan sama ada sekolah-sekolah tersebut telah diberi kemudahan-kemudahan yang sempurna termasuk guru-guru yang terlatih.

**Dato' Chan Siang Sun:** Setakat ini Kementerian saya telah mengumpulkan 29 buah sekolah di ladang-ladang dan menjadikannya kepada 7 buah sekolah dalam tiga buah negeri iaitu Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Semua sekolah cantuman ini telah diberikan kemudahan-kemudahan yang sempurna dan disediakan dengan guru-guru terlatih.

**FAR EAST OXYGEN MALAYSIA/  
MALAYSIA OXYGEN SDN BHD—  
CANTUMAN SYARIKAT**

23. Tuan P. Patto minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap pencantuman syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan bahan-bahan yang serupa; apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk pencantuman itu; dan sama ada beliau sedar bahawa dua buah syarikat besar yang telah memonopolikan penjualan gas perusahaan di Malaysia, iaitu Far East Oxygen Malaysia Sdn. Bhd.—sebuah anak syarikat Air Liquid Group yang beribu pejabat di Paris dan Malaysia Oxygen Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat British Oxygen Company yang beribu pejabat di Britain, kini telah dibenar oleh pihak berkuasa tertentu untuk bercantum menjadi sebuah syarikat gergasi bernama Malaysian Oxygen Berhad, jika ya, apakah sebab pencantuman ini dibenarkan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Kerajaan telah meluluskan percantuman (merger) syarikat-syarikat jika percantuman tersebut dapat memberikan faedah kepada negara. Perlu ditegaskan percantuman ini hanya akan dipersetujui setelah perkara ini diteliti dan dihalusi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jawatankuasa Pelaburan Asing serta Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Percantuman diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat yang tertentu (berbeza dari kes ke satu kes) selaras dengan dasar perindustrian negara. Percantuman di antara Syarikat Far East Oxygen Malaysia Sdn. Bhd. dan Malaysian Oxygen Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh Kementerian atas sebab-sebab berikut:

- (i) Dengan percantuman ini Syarikat Malaysian Oxygen Berhad akan dapat menikmati ekonomi bidangan (economies of scale) dalam pengeluaran;
- (ii) Syarikat akan dapat mengadakan perkhidmatan yang lebih cekap kepada pengguna-pengguna;
- (iii) Syarikat Malaysian Oxygen Berhad akan mempunyai Struktur ikuiti yang lebih baik dari segi penyertaan warga-negara Malaysia.

Mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat bahawa percantuman kedua-dua syarikat ini akan mengakibatkan penguji dan monopoli, sukalah saya tegaskan bahawa selain dari syarikat Malaysian Oxygen Berhad terdapat 3 pengeluar gas perusahaan

yang lain iaitu Syarikat Sabah Oxygen dan Acetylene di Sabah, Super Oxygen Sdn. Bhd. di Pulau Pinang dan Industrial Oxygen Berhad di Selangor.

**PELAJAR TINGKATAN ENAM  
DI PULAU PINANG**

24. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran memberi angka-angka menurut pecahan kaum tentang pengambilan pelajar-pelajar ke dalam Tingkatan Enam di Pulau Pinang untuk tahun 1980.

**Dato' Chan Siang Sun:** Seramai 1,509 orang telah berjaya ditempatkan di Tingkatan Enam di sekolah-sekolah di Pulau Pinang dalam tahun 1980. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	...	...	...	...	553
China	...	...	...	...	885
India	...	...	...	...	58
Lain-lain	...	...	...	...	13

**TRUST FUND UNTUK PESAKIT  
JANTUNG**

25. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah Founda'ion atau Trust Fund untuk pesakit-pesakit jantung yang kebanyakannya sekarang terpaksa meminta derma melalui akhbar-akhbar untuk pembedahan-pembedahan tertentu di luar negeri dan jika tidak, mengapa; dan sama ada beliau sedar bahawa ramai pesakit-pesakit yang malang adalah terdiri dari anak-anak kecil dan rakyat yang miskin.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telahpun menjawab soalan-soalan yang seakan-akan sama di Dewan yang mulia ini pada 27hb Oktober, 1980 yang lalu, mengenai cadangan penubuhan sebuah yayasan bagi membantu pesakit-pesakit yang perlu mendapatkan rawatan jantung di luar negeri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua badan-badan sukarela dan orang perseorangan yang telahpun menubuhkan tabung-tabung kewangan mereka sendiri bagi membantu pesakit-pesakit ini mendapatkan rawatan tersebut. Kementerian Kesihatan sendiri sedang merancang penubuhan

sebuah lagi Pusat Cardiohoracic di Kuala Lumpur bagi menambahkan lagi keupayaan kita merawat kes-kes ini. Oleh hal yang demikian, Kementerian akan menumpukan tenaganya terhadap penubuhan sebuah pusat seperti ini.

### KEMATIAN LIEW YENG PENG DI MALAYAWATA STEEL BHD.

**26. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) keadaan-keadaan yang mengakibatkan kematian Encik Liew Yeng Peng dari 2406, Lorong Kubor, Butterworth, yang terbunuh pada 23-6-1980 di kilang Malayawata di Prai; dan
- (b) sama ada beliau sedar keadaan kerja dan pengawalan keselamatan di kilang-kilang di seluruh negeri adalah amat buruk.

**Datuk K. Pathmanaban:** Mendiang Liew Yeng Peng, berumur 33 tahun, ialah seorang pekerja gred 3 di Malayawata Steel Berhad, Prai, sebuah perusahaan membuat besi. Mendiang bertugas di Bahagian "Blast Furnace".

Pada 11-6-1980 mendiang mula bekerja pada pukul 3.00 petang (shif B—dari 3.00 petang hingga 11.00 malam). Pada petang hari itu pembekalan elektrik di Bahagian "Blast Furnace" tersebut telah terputus. Ini menyebabkan kenaikan tekanan (pressure) di dalam saluran serombong gas itu. Akibat dari itu gas-gas dari serombong telah keluar melalui sistem sil air (water sealing system) hingga ke bawah bilek kawalan yang berhawa dingin, di mana mendiang bertugas pada hari tersebut. Ada kemungkinan mendiang Encik Liew telah terhidu bau gas dari serombong tersebut dan telah turun untuk mengendalikn injap perasingan (isolating Valve) dengan seorang diri tanpa meminta bantuan ataupun menggunakan alat pernafasan untuk menjaga keselamatan diri. Oleh kerana terlalu banyak menghidu gas tersebut, mendiang telah jatuh dan tidak sedarkan diri.

Mendiang telah dibawa ke hospital Daerah Butterworth, dan kemudiannya dipindahkan ke Hospital Besar Pulau Pinang di mana beliau meninggal dunia pada 23-6-1980. Sebab kematiannya ialah "carbon monoxide poisoning with cerebral Aroxia". Kematian

mendiang Encik Liew telah diterima sebagai "bencana kerja" di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

(b) Saya tidak bersetuju dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa keadaan kerja dan kawalan keselamatan di kilang-kilang di seluruh negeri adalah amat buruk. Usaha-usaha daripada semua pihak, termasuk penguatkuasaan Undang-undang yang berkenaan dan pemeriksaan dan nasihat daripada pegawai-pegawai Kementerian saya, telah memberi hasil yang baik. Angka-angka yang kita punyai menunjukkan bahawa kadar kemalangan telah berkurangan dari setahun ke setahun. Kadar kemalangan, iaitu bilangan pekerja yang tercedera sebagai peratusan tenaga pekerja keseluruhannya telah turun daripada 7.1% pada tahun 1974 kepada 3.9% pada tahun 1979. Keadaan ini memang boleh dibaiki lagi. Kementerian saya sedang merangka dan menjalankan beberapa langkah dengan tujuan itu.

### TUDM MEMBINA KAPALTERBANG

**27. Tuan Haji Ampong bin Puyon** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah benar TUDM akan dapat membina kapalterbangnya sendiri dalam tahun 1985. Jika benar, kapalterbang jenis apakah yang mampu dibina;
- (b) apakah kita merancang untuk membuat senjata ringan sendiri dan juga peluru yang mencukupi. Jika sudah berapa jumlah yang telah dikeluarkan dan jika tidak mengapa; dan
- (c) bilakah kita akan menerima kapalterbang supersonik Skyhawk dan berapa ju'akah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membeli alat kelengkapannya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Jawapan kepada soalan (a) adalah seperti berikut:

TUDM akan mempunyai kemampuan dari segi kemahiran untuk membina kapalterbang Jenis Kecil (Light aircraft) dalam tahun 1985. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa TUDM akan membina kapalterbang ini, kerana setakat ini ia tidak mempunyai rancangan untuk berbuat demikian. Perbelanjaan wang untuk mengadakan kemudahan fasilitas dan kos pembinaan yang tinggi tidak mengizinkan TUDM berbuat demikian. Oleh

yang demikian, TUDM sebagai permulaan akan menumpukan kebolehannya di bidang baikpulih dan pengeluaran barang ganti sahaja.

Bagi menjawab soalan (b) suka saya mengatakan bahawa Kementerian Pertahanan sedang mengkaji dengan mendalam mengenai pengeluaran pertahanan (defence production) dengan tujuan supaya satu dasar mengenainya dapat dirumuskan bagi pertimbangan Kerajaan. Oleh hal yang demikian, tidaklah dapat saya menyatakan setakat ini, sama ada senjata ringan akan diperbuat di Malaysia ataupun sebaliknya.

Dalam bidang pengeluaran peluru pula, Syarikat Malaysia Explosive (Sdn) Bhd, iaitu yang dimiliki oleh Kerajaan, sedang mengeluarkan peluru jenis 5.56 mm dan 7.62 mm bagi kegunaan Angkatan Tentera, tetapi pengeluaran peluru Syarikat adalah terhad. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1981 rancangan sedang diperbuat untuk meningkatkan lagi pengeluarannya.

Bagi menjawab soalan (c) Kapalterbang Skyhawk dijangka sampai pada akhir tahun atau awal tahun 1983. Jumlah perbelanjaan yang terlibat kesemuanya ialah kira-kira \$1,040 juta.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (Hari Kesepuluh)

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis".

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perin'ah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut (Hari Kesepuluh).

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 56 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun ini dan mulai pada hari ini Yang Berhormat Menteri-menteri akan memberikan jawapannya—hari ini dan esok dan sekiranya sebelum 6.30 sudah selesai jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri, maka Majlis akan terus bersidang di dalam Jawatankuasa.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menyampaikan jawapan.

*3.37 ptg.*

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas segala teguran dan komen dari Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Segala buah fikiran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian akan menjadi panduan, khasnya kepada saya sendiri untuk menggiatkan lagi usaha-usaha Kementerian ini demi kepentingan rakyat jelata, terutama sekali pekebun-pekebun kecil.

Saya tidaklah hendak menjawab satu per satu secara detil tapi akan menyentuh perkara-perkara yang tertentu sebagai penerangan dan penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kekurangan tenaga manusia yang boleh melambatkan program tanam semula getah di bawah program tanam semula pekebun-pekebun kecil.

Memang benar soal kekurangan tenaga manusia berlaku di kawasan-kawasan luar-bandar dan merupakan satu problem yang besar. Masalah ini berlaku di bidang-bidang pertanian termasuklah perusahaan tanam semula getah.

Kementerian ini dan juga RISDA sedang mengatur satu "strategi baru" iaitu penubuhan kumpulan tenaga tempatan. Di bawah strategi ini pekerja-pekerja terutama sekali daripada golongan belia akan diberi kemudahan-kemudahan seperti pembelian barang-barang secara kredit untuk membolehkan mereka membeli keperluan seharian. Kumpulan ini diharapkan dapat menambatkan tenaga manusia dan tenaga buruh dalam bidang menanam semula getah di merata-rata tempat. Usaha-usaha sedang berjalan untuk mengemas dan memperluaskan lagi konsep kumpulan tenaga kerja tempatan ini.

Dengan cara begini adalah diharapkan dapat mengatasi kekurangan tenaga manusia atau tenaga buruh dalam bidang tanam semula ini.

Berhubung dengan tanah-tanah yang hanya mempunyai grant sementara maka pihak RISDA tidaklah dapat memberikan bantuan secara automatik. Langkah ini perlu diambil bagi mengelakkan bantuan tanam semula Kerajaan itu terjatuh ke tangan yang tidak seharusnya menerima itu.

Walau bagaimanapun, Akta RISDA ada memberi kuasa kepada Menteri bagi menentukan jenis Hak Milik yang tidak mempunyai grant tetap boleh diterima sebagai Hak Milik sah.

Saya suka memberi jaminan kepada Dewan ini sebagai Menteri yang bertanggungjawab maka saya akan berusaha menentukan tanah-tanah rakyat yang dipegang di bawah Akta Penempatan Semula (G.S.A.) sebagai Hak Milik yang sah.

Dengan demikian dapatlah diberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil kategori ini untuk merebut peluang-peluang program tanam semula khususnya di bawah rancangan yang baru yang bermula tahun depan 1981. Pihak Kementerian dan RISDA sedang

mengatur rancangan-rancangan yang komprehensif dan juga detil-detilnya mengenai bantuan baru tanam semula pada pekebun-pekebun kecil ini.

Pihak Kementerian juga sedang memikirkan beberapa insentif atau galakan lain untuk menarik minat pekebun-pekebun kecil khususnya kumpulan yang mempunyai tanah lima ekar ke bawah. Kerajaan menyedari atas kesusahan mereka ini menunggu 5 dan 6 tahun untuk mendapat hasil getah yang mereka tanam itu. Itulah sebabnya Kerajaan kita sedang berusaha hendak mengadakan insentif-insentif atau galakan-galakan untuk menolong mereka.

Bantuan tanam semula yang baru dan telahpun diumumkan dalam Budget kali ini oleh Menteri Kewangan. Tambahan bantuan dan juga insentif-insentif yang lain boleh menampung sara pekebun-pekebun kecil semasa menanam semula dan akan dapat meringankan mereka dalam masa tersebut.

Bantuan tanam semula yang baru adalah seperti berikut:

- (1) Bantuan Tanam Semula/Baru Getah bagi kawasan 10 ekar ke bawah—dinaikkan dari kadar sekarang \$1,200 seekar kepada \$2,200 seekar;
- (2) Bantuan Tanam Semula/Baru bagi kawasan lebih 10 ekar—dinaikkan dari kadar sekarang \$900 seekar kepada \$1,500 seekar;
- (3) Bantuan Tanam Semula dengan lain-lain jenis tanaman:
  - bagi kawasan 10 ekar ke bawah; dinaikkan kadar sekarang \$900-\$950 seekar kepada \$1,500 seekar;
  - bagi kawasan lebih 10 ekar, dinaikkan kadar bantuan sekarang dari \$900 seekar kepada \$1,200 seekar;

Yang sebenarnya program bantuan tanam semula getah adalah diberi kepada orang perseorangan tetapi bagi membantu penanaman semula getah yang mempunyai tanah-tanah lain yang berhampiran dengannya, maka pihak RISDA telah mengadakan satu program yang dikenali sebagai Program Mini Estet.

Dalam program ini RISDA akan mengambil-alih pelaksanaan kerja-kerja penanaman semula dan tuan punya tanah akan diberikan keuntungan jika ada dan juga

mereka digalakkan bekerja di dalam estet ini dengan mendapat gaji dari RISDA. Langkah ini juga diatur sebagai satu usaha hendak mengatasi kekurangan tenaga buruh dalam perusahaan tanaman semula getah.

Mengenai pembinaan rumah-rumah asap maka pihak RISDA sedang berusaha dengan giatnya untuk membina rumah-rumah asap ini.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, RISDA sekarang merancang supaya tiap-tiap Pusat Penyelidikan Getah yang besar akan diutukkan satu rumah asap yang moden. Setakat ini RISDA mempunyai lebih daripada 1,800 Pusat Penyelidikan Pekebun Kecil di seluruh negara.

Memanglah menjadi hasrat Kementerian ini dan juga RISDA untuk menolong pekebun-pekebun kecil mengeluarkan getah yang bermutu tinggi untuk mendapat hasil yang baik.

Itulah sebabnya usaha-usaha digiatkan untuk menyediakan mesin-mesin getah dan rumah asap yang moden di merata-rata tempat untuk mengeluarkan getah yang bermutu tinggi. Di setengah-setengah tempat RISDA telah pun sampaikan kepada peringkat membekalkan mesin-mesin getah yang menggunakan kuasa elektrik atau injin khas (generator) sebagai langkah hendak meringankan kerja pekebun-pekebun kecil dalam program untuk memodenkan perusahaan pekebun-pekebun kecil ini.

Pihak Kementerian dan juga RISDA akan terus membuat apa saja untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil. Di samping program tanaman semula maka RISDA sedang berusaha untuk mewujudkan koperasi pekebun kecil getah di tiap-tiap negeri. Sebagai permulaan tahun ini saja peruntukan sebanyak lebih dari \$70,000 telah disediakan; dan pada tahun hadapan peruntukan sebanyak \$710,000 akan disediakan untuk mengembangkan lagi pergerakan koperasi-koperasi pekebun kecil di seluruh negara.

Mengenai tuduhan ahli dari Permatang Pauh yang mengatakan Kerajaan tidak berbuat apa-apa terhadap tuan tanah menaikkan sewa tanah; dan dengan demikian penyewa tanah meninggalkan tanah itu, dan akibatnya tanah jadi terbiar, katanya. Tuduhan ini tidaklah benar. Undang-undang mengawal sewa dan menjamin pemegang di bawah

Akta Padi 1967 ada memberi kuasa kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Mengikut Akta itu setiap perjanjian sewa antara Tuan dan Penyewa Tanah hendaklah didaftarkan. Dengan ini penyewa dapat dilindungi daripada kenaikan kadar sewa yang sewenang-wenangnya dan mengikut kadar bayaran sewa yang diperuntukkan dalam Akta.

Bahagian ini boleh bertindak terhadap Tuan Tanah yang menaikkan kadar sewa di luar dari yang diperuntukkan—jika ada perjanjian sewa dibuat antara tuan tanah dengan penyewa. Untuk makluman Dewan lebih kurang 1,000 ekar tanah di Pulau Pinang dan Seberang Perai sahaja telah didaftarkan di bawah perjanjian sewa ini. Pada keseluruhannya mana-mana tuan tanah yang mendaftar di pejabat sewa dan melanggar undang-undang itu adalah melakukan kesalahan yang boleh didenda antara \$1,000 hingga \$2,000 atau 6 bulan hingga 1 tahun penjara.

Pihak Polis boleh juga bertindak kalau melanggar Akta ini.

Soal ini terpulanglah kepada pihak yang terlibat untuk membawa kepada pengetahuan pihak yang berkuasa jika mereka itu teraniaya oleh tuan-tuan punya tanah.

Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang menyentuh kelambatan tukar syarat tanah untuk projek perumahan dan juga kelambatan pengambilan balik tanah dan bayaran pampasan atas tanah yang diambil untuk membina jalan-jalanraya dan untuk kemudahan-kemudahan yang lain.

Perkara ini memang rumit. Pihak Kementerian adalah sentiasa mengambil tindakan untuk mempercepatkan proses pengambilan balik tanah supaya projek pembangunan tidak tergendala dan segala bayaran pampasan diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Unit-unit Bergerak telahpun ditubuhkan di negeri-negeri untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam Pengambilan balik Tanah dan panduan-panduan bekerja juga telah dikeluarkan. Langkah-langkah sentiasa diambil untuk mempercepatkan bayaran pampasan ini.

Begitu juga dengan kelulusan tukar tanah untuk perumahan. Seperti yang diketahui tanah adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, cara-cara mempercepat

proses dan pecah sempadan telahpun dicadang kepada tiap-tiap negeri supaya kelulusan diberi dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak memanjangkan jawapan saya, perkara-perkara yang saya tak sebutkan di sini, saya akan ambil tindakan dan jika perlu saya akan laksanakan di bawah Kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am menjawab.

3.50 *ptg.*

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang terhadap perkara pembinaan rumah-rumah orang-orang tua di kawasan luar bandar dan juga penambahan peruntukan untuk bantuan murid-murid sekolah.

Berkenaan dengan pembinaan rumah orang-orang tua sukacita saya menerangkan bahawa ada rumah orang-orang tua di bawah Kementerian saya yang terletak di kawasan luar bandar seperti di Bedong, Kedah dan Cheng, Melaka. Sungguhpun rumah orang-orang tua yang lain tidak dibina dalam kawasan luar bandar namun demikian yaysan-yaysan tersebut tidaklah pula terletak di pusat-pusat bandar besar. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya akan membina sebuah rumah orang-orang tua di Mukim Pedah, Jerantut, Pahang yang juga terletak di kawasan luar bandar.

Saya juga ingin menyatakan bahawa kebanyakan rumah-rumah orang tua yang dikelolakan oleh badan-badan sukarela adalah dibina di kawasan luar bandar.

Berkaitan dengan keselesaan penghuni-penghuni di rumah-rumah orang tua ini yang di bawah Kementerian, sukacita juga saya menerangkan bahawa pelbagai kemudahan disediakan dan banyak pula kegiatan-kegiatan lain yang dijalankan. Selain memberi kemudahan-kemudahan hidup sehari-hari Kementerian saya juga menyediakan kemudahan untuk bimbingan rohani seperti pelajaran agama dan kaunselling.

Di samping kemudahan di atas, diberi juga kemudahan rekreasi sosial seperti radio, televisyen, suratkhbar, permainan dan lain-lain lagi.

Dengan kemudahan dan perkhidmatan yang diberi ini adalah diharapkan dan saya percaya penghuni-penghuni yang tinggal di rumah orang-orang tua ini sedikit sebanyak dapat hidup dengan selesa.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai bantuan yang diberi kepada murid-murid sekolah di tiap-tiap negeri. Berkenaan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya menerangkan bahawa perkara ini adalah diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri kecuali dalam Wilayah Persekutuan yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Kadar pembayaran, peraturan dan dasar-dasar memberi bantuan tersebut juga ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Bagi tahun 1977 sebanyak \$412,000 telah dibayar kepada 11,964 orang murid-murid. Dalam tahun 1978 sejumlah 21,393 murid telah dapat bantuan ini dari peruntukan sebanyak \$887,000 dan bagi tahun 1979, sejumlah 32,777 murid-murid telah menerima bantuan ini yang kesemuanya berjumlah \$968,380.

Dari perangkaan di atas nyatalah kepada kita bahawa bilangan murid-murid yang menerima Bantuan Sekolah adalah bertambah dari tahun ke setahun, dan peruntukan yang diberi juga bertambah.

Sekianlah sahaja, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menjawab.

3.53 *ptg.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini nampaknya tidak banyak teguran-teguran atau pun ulasan-ulasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan kegiatan Kementerian Pelajaran dalam masa sidang membahaskan ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengambil kesempatan untuk mengajukan beberapa pendapat mereka tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang dan yang sepatutnya diperbaiki pada tahun-tahun akan datang. Saya sangat-sangatlah berterima kasih di atas teguran-teguran dan juga ulasan-ulasan ini kerana

dari segala pandangan dan juga pendapat yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dapatlah pihak Kementerian Pelajaran mengambil tindakan yang sesuai untuk memperbaiki keadaan di mana terdapat kelemahan-kelemahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ulasan saya terhadap pandangan dan teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan saya buat secara menyeluruh serta mengikut program-program yang telah ditentukan bagi Kementerian Pelajaran.

### *Program Pelajaran Rendah dan Menengah*

Banyak perkara di bawah program ini telah disentuh oleh Ahli-ahli Dewan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa Program Pelajaran Rendah dan Menengah adalah satu-satunya program yang terpenting di Kementerian Pelajaran. Ianya adalah asas kepada pendidikan negara dan oleh itu segala usaha untuk menentukan bahawa rancangan pelajaran rendah dan menengah ini dijalankan dengan baik dan efektif, adalah sedang diusahakan. Seperti yang termaktub di dalam peraturan-peraturan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perakuan-perakuan ini supaya pelaksanaannya dapat diusahakan dengan secekap-cekapnya. Oleh itu pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki keadaan di sekolah-sekolah adalah sedang berjalan. Umpamanya berkaitan dengan perkara bantuan kepada sekolah-sekolah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang serta Ahli Yang Berhormat dari Panti, Johor, Kementerian Pelajaran sekarang sedang mengkaji semula kadar-kadar bantuan tersebut. Bukan itu sahaja malahan Kementerian juga sedang meneliti sama ada boleh dibezakan bantuan-bantuan yang akan diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar berbanding dengan bantuan-bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah di dalam kawasan-kawasan bandar. Kementerian juga sedang menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki keadaan pentadbiran di sekolah-sekolah dengan mengadakan pegawai-pegawai sokongan seperti Kerani untuk membantu Guru-guru Besar dan juga mengadakan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah supaya pengawasan ke atas sekolah-sekolah dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Berhubung dengan disiplin murid-murid dan guru-guru sekolah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau dan juga Kangar, langkah-langkah yang sewajarnya sedang diambil. Kementerian ini sedang menjalankan usaha-usaha untuk memperkecilkan bilangan murid-murid di tiap-tiap kelas, supaya guru-guru dapat memberi pandangan yang lebih kepada tiap-tiap murid, dan dengan cara ini bukan sahaja mata-mata pelajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan tetapi juga dapat mengawasi disiplin dengan lebih baik. Kerjasama daripada pihak ibubapa melalui Persatuan Ibubapa dan Guru adalah sedang dipergiatkan supaya tanggungjawab untuk menentukan disiplin murid-murid tidak dibebankan kepada guru sekolah semata-mata. Dalam bulan Disember ini Kementerian Pelajaran sedang menganjurkan satu seminar mengenai disiplin dan diharapkan daripada rumusan seminar ini nanti satu panduan mengenai disiplin murid-murid di sekolah-sekolah dapat diadakan.

Selain dari itu Kementerian juga sedang menjalankan beberapa usaha melalui Surat-surat Pekeliling mahu pun melalui kursus-kursus pendek di Maktab-maktab Perguruan untuk menentukan supaya guru-guru sendiri diberi fahaman yang lebih mendalam tentang tingkah-laku serta pandangan guru-guru terhadap masyarakat. Dengan cara ini adalah diharapkan supaya kelakuan guru-guru semasa di sekolah, terutamanya pakaian-pakaian, adalah mematuhi piawai masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, Kementerian ini juga sedang menjalankan usaha-usaha bagi menggalakkan murid-murid gemar membaca dan juga melalui agensi-agensi Kementerian ini seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, usaha kempen membaca sedang dijalankan. Selain daripada itu projek menubuhkan perpustakaan yang lebih lengkap di sekolah-sekolah sedang juga dijalankan dan guru-guru yang telatih di dalam penggunaan perpustakaan akan dihantar ke sekolah-sekolah berkenaan bagi menentukan supaya penuh-ban perpustakaan itu akan dipergunakan dengan sepenuhnya oleh murid-murid sekalian.

Oleh kerana Kementerian ini sedar tentang kepentingan bahasa-bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris maka usaha telahpun dijalankan untuk mempertingkatkan pencapaian Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Selain daripada itu Kementerian juga sedang menjalankan usaha untuk memperkenalkan bahasa-bahasa lain terutamanya Bahasa Jerman, Jepun dan juga Perancis di mana ilmu-ilmu pengetahuan boleh didapati dengan banyak. Yang demikian, seruan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda itu sememangnya telahpun dijawab oleh Kementerian saya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberi perakuan di sini bahawa segala usaha yang akan memberi kebaikan kepada pelajar di peringkat sekolah-sekolah rendah dan menengah sedang dijalankan dan terus akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

#### *Program Pelajaran Teknik dan Vokasional*

Pelajaran separa iktisas telah juga disentuh oleh Yang Berhormat dari Kangar, dan untuk memperingkatkan kembali, semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membentangkan ucapan Belanjawannya, perkara ini telahpun disentuh oleh beliau di mana telah dijelaskan bahawa lima buah Politeknik tambahan akan didirikan di dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu sebagai tambahan kepada dua Politeknik yang ada sekarang, satu di Ipoh dan satu di Kuantan.

Selain daripada itu, suka juga saya memperingkatkan bahawa Universiti Pertanian Malaysia dan juga Universiti Teknologi Malaysia juga mengeluarkan graduan-graduan di peringkat separa iktisas selain daripada graduan-graduan di peringkat ijazah. Instituti Teknologi MARA yang sekarang ini mempunyai kampus-kampus cawangannya di Perlis, Trengganu, Sarawak dan Sabah akan menubuhkan sebuah lagi kampus cawangannya di Negeri Johor. Oleh itu pengeluaran pekerja-pekerja separa iktisas oleh institusi-institusi ini akan berterusan yang mana kemampuan ini akan ditambah lagi oleh lima buah Politeknik yang baru yang diperkatakan tadi.

#### *Program Pentadbiran*

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran kewangan Kerajaan telah juga dibangkitkan di Dewan ini walaupun perkara ini bukanlah masalah Kementerian Pelajaran semata-mata. Berhubung dengan masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan secara keseluruhannya memang

sedar mengenai perkara ini dan tindakan untuk memperbaikinya telah dan sedang berjalan iaitu melalui perundangan dan melalui peraturan-peraturan yang disediakan dari masa ke semasa. Selain dari itu pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah juga sedang dilatih dan bagi Kementerian Pelajaran sendiri Kementerian ini telah menubuhkan sebuah maktab yang dikenal dengan nama Institut Latihan Pentadbiran Pelajaran Malaysia ataupun MESTI (Ministry of Education Staff Training Institute). Melalui MESTI dan juga kursus-kursus pendek yang diadakan dalam masa cuti di Maktab-maktab Perguruan bagi Guru-guru Besar adalah diharapkan kelemahan dari segi pentadbiran kewangan di peringkat sekolah-sekolah dapat diatasi.

Perkara berkenaan dengan perkhidmatan guru-guru UTS yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Sandakan yang memperkatakan bahawa syarat-syarat perkhidmatan yang telah dikenakan kepada guru-guru UTS di Sabah adalah tidak sama dengan yang telah dikenakan kepada guru-guru UTS di Semenanjung. Untuk makluman Dewan ini Kerajaan telah menerima perakuan Suruhanjaya Gaji Aziz dan melalui skim baru yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Aziz ini guru-guru yang berkhidmat di dalam skim UTS telah diberi peluang untuk menjadi guru-guru Kerajaan dan apa yang telah ditawarkan kepada guru-guru UTS di Semenanjung adalah sama syaratnya seperti yang ditawarkan kepada guru-guru UTS di Sabah. Cuma perbezaannya ialah penyerapan guru-guru UTS di Semenanjung ke jawatan-jawatan Kerajaan telah dibuat di dalam tahun 1972 jika dibandingkan dengan guru-guru di Sabah dan Sarawak yang mana Akta Pelajaran cuma dilanjutkan untuk meliputi Sabah dan Sarawak dalam tahun 1977. Walaupun ada guru-guru UTS tidak menerima tawaran untuk menerima Laporan Suruhanjaya Gaji Aziz mereka telah juga ditawarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet dan bagi mereka yang telah menerimanya apa yang diterima oleh guru-guru UTS di Semenanjung adalah sama dengan guru-guru UTS di Sabah.

Selanjutnya suka saya menjelaskan bahawa semasa Laporan Gaji Aziz dilaksanakan di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1973, sebilangan dari guru-guru di Sabah didapati tidak mencukupi syarat-syarat layak perkhidmatan yang telah ditetapkan. Oleh itu

mereka telah ditawarkan syarat-syarat untuk diserapkan ke dalam UTS sebagai tanda penghargaan dan concession kepada mereka. Oleh kerana mereka tidak mempunyai syarat-syarat kelayakan yang diperlukan, maka syarat-syarat perkhidmatan penuh seperti lain-lain guru tidaklah dapat diberi.

#### *Program Kebajikan Penuntut*

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, Yang Berhormat dari Kangar serta Yang Berhormat dari Damansara telah memperkatakan tentang kekurangan sekolah-sekolah berasrama sementara, Yang Berhormat dari Tumpat pula menyentuh keperluan untuk mengadakan tabung pinjaman bagi pelajar-pelajar bumiputra yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri sekiranya, mereka tidak berkemampuan. Untuk makluman Dewan ini Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk mendirikan sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga mendirikan beberapa asrama baru dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Berhubung dengan penubuhan tabung pinjaman yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, Kementerian ini adalah berpendapat bahawa tabung ini tidak diperlukan. Ini adalah disebabkan bahawa penuntut-penuntut bumiputra yang mempunyai kemampuan otak adalah sedang dibantu oleh Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran sama ada di luar mahupun di dalam negeri. Bagi mereka yang kelulusannya tidak sebegitu cemerlang dan tidak dapat ditawarkan biasiswa-biasiswa, pihak MARA mempunyai tabung pinjamannya bagi keperluan untuk melanjutkan pelajaran sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Oleh itu tidaklah perlu satu tabung pinjaman yang berasingan diadakan oleh sebab tabung pinjaman yang diadokan oleh MARA adalah juga bagi keperluan anak-anak bumiputra.

#### *Program Pelajaran Tinggi*

Tuan Yang di-Pertua, Program Pelajaran Tinggi telah menarik perhatian yang lebih daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini di mana tumpuan telah diberi kepada kemasukan pelajar-pelajar baru di universiti-universiti tempatan yang mana pihak Pembangkang telah menyatakan tentang kekurangan pelajar-pelajar bukan bumiputra diterima masuk, berbanding dengan penyokong-penyokong Kerajaan yang

menyatakan tentang kekurangan pelajar-pelajar bumiputra yang diterima masuk. Walaupun pendapat ini dari pandangan sepiantas lalu mungkin bercanggah tetapi kedua-dua pendapat ini adalah tidak bercanggah dengan prinsip Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Walau bagaimanapun, sebagai penjelasan lanjut sukalah saya memberi perangkaan-perangkaan yang tertentu untuk membuktikan bahawa apa yang telah diamalkan oleh pihak Kerajaan adalah mematuhi Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima sebagai dasar penting Kerajaan.

Yang Berhormat dari Tumpat telah mencadangkan supaya pengambilan bumiputra ditambah dalam bidang-bidang sains dan teknik khususnya dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Untuk makluman Dewan, pengambilan pelajar-pelajar bumiputra untuk mengikuti kursus-kursus perubatan dan kejuruteraan sememangnya bertambah dari tahun ke tahun dan ini telahpun dijelaskan semasa Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling pada 16hb Oktober yang baru lalu.

Oleh itu, dari segi keseluruhannya, bilangan pengambilan bumiputra pada sesi 1980/1981 tidak berkurangan. Seperti yang telah dijelaskan pada 16hb Oktober yang baru lalu, bilangan bumiputra bertambah dari 3,384 dalam sesi 1979/1980 kepada 3,427 dalam sesi 1980/1981. Tetapi dari segi komposisinya memang benar quota bumiputra telah berkurangan 2%. Kekurangan ini bukanlah disebabkan oleh tekanan dari mana-mana pihak tetapi adalah dicapai secara perundingan dan persefahaman di antara komponen-komponen Barisan Nasional sendiri.

Yang Berhormat dari Sandakan pula telah mengemukakan supaya semua mereka yang berkelayakan hendaklah diterima masuk ke universiti-universiti tempatan. Perkara ini tidak dapat dilakukan disebabkan kesuntukan tempat. Umpamanya, jumlah permohonan yang diterima dalam tahun ini untuk memasuki universiti-universiti tempatan di peringkat ijazah ialah 12,735 dan yang cukup kelayakan ialah 12,088 sedangkan tempat yang ada ialah kira-kira 5,500 sahaja. Di kalangan pemohon-pemohon ini, 58.1% adalah kaum bumiputra, 33.8% Cina dan 6.1% India dan yang lain-lain ialah 2%. Untuk perbandingan, 54.5% pemohon yang layak

ditolak adalah pemohon bumiputra, 36.5% pemohon Cina dan 9% pemohon India dan lain-lain.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa semua kaum termasuk ramai pemohon bumiputra telah menanggung penolakan tempat di universiti-universiti tempatan sungguhpun mereka itu adalah berkelayakan dengan secukupnya. Oleh itu teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Petaling yang mengatakan bahawa kaum-kaum bukan bumiputra telah teraniaya adalah tidak benar.

Mengenai penghantaran anak-anak belajar di luar negeri oleh pembesar-pembesar negeri yang ditegur oleh Yang Berhormat dari Petaling, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa ramai orang-orang yang menghantar anak-anak mereka belajar ke luar negeri. Mereka ini adalah orang-orang yang berkemampuan daripada semua peringkat bukan sahaja pembesar-pembesar yang di sebutkan oleh Yang Berhormat dari Petaling itu. Penghantaran anak-anak belajar ke luar negeri bukanlah satu perbuatan yang salah, tetapi adalah mengikut pilihan sendiri dan kemampuan masing-masing. Sebagai sebuah negara yang berdemokrasi, pilihan sendiri itu adalah tidak melanggar mana-mana undang-undang dan oleh itu tidaklah patut dihalang.

Kementerian ini adalah sedar memang ada rakyat Malaysia yang telah berhijrah dan menetap di seberang laut tetapi tidak lah boleh dipastikan tujuan mereka yang sebenar. Oleh itu tidaklah boleh dikatakan bahawa mereka berhijrah ke luar negeri semata-mata untuk menjaga kepentingan anak-anak mereka. Oleh itu adalah sukar bagi Kementerian ini untuk menerima hujah Yang Berhormat dari Petaling dan seterusnya mentafsirkan bahawa Dasar Pelajaran Tinggi di negara ini tidak diterima oleh sebilangan besar rakyat Malaysia berpandukan kepada segelintir manusia yang berhijrah ke luar negeri.

Seperti yang termaklum, dasar yang sedang dilaksanakan bagi pelajaran tinggi adalah berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru yang mana telah diterima oleh sebilangan besar rakyat di negara ini. Dalam konteks pelajaran tinggi, dasarnya ialah untuk memperseimbangkan tenaga rakyat yang terpelajar pada masa hadapan supaya semua

kaum dapat mengambil tempat masing-masing dalam ekonomi negara dengan adil dan saksama.

Yang Berhormat dari Petaling telah mendakwa bahawa kriteria merit tidak lagi terpakai. Di sini Kementerian ini ingin menafikan dakwaan tersebut. Kementerian sendiri mengambil perhatian berat untuk menentukan bahawa semua kemasukan ke universiti-universiti tempatan adalah daripada calon-calon yang ada berkelayakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebilangan besar pemohon-pemohon yang berkelayakan tetapi ditolak kerana kekurangan tempat ialah pemohon-pemohon bumiputra iaitu seramai 54.5% dari jumlah semua calon yang layak yang terpaksa ditolak.

Memandangkan kedudukan ini, Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan pada 15hb Oktober yang baru lalu Kerajaan sedang giat untuk memperluaskan peluang pelajaran tinggi pada masa hadapan. Skop dan kapasiti universiti-universiti tempatan akan diperbesarkan dengan beberapa langkah seperti membina satu kampus baru di Johor bagi satu universiti dan 4 kampus cawangan-cawangan bagi 4 universiti yang lain. Tempat yang sebanyak kira-kira 26,800 sekarang dijangka akan dapat diperbesarkan kepada kira-kira 36,000 pada akhir Rancangan Malaysia Yang Keempat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin ada beberapa soalan atau teguran yang tertinggal. Ini tidaklah bermakna bahawa perkara-perkara itu akan dilupakan oleh Kementerian ini. Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk memperbaiki segala aspek pembelajaran di semua peringkat. Oleh itu segala pandangan dan teguran adalah dalam perhatian Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Berhormat Menteri Pertanian untuk menjawab.

4.16 ptg.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi

pandangan dan sokongan terhadap Kementerian Pertanian semasa membahaskan dasar Belanjawan 1981 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan serba sedikit terhadap perkara yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini yang ada berkaitan dengan Kementerian Pertanian.

Pertama, saya suka menyentuhkan mengenai perusahaan lada hitam yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu. Kementerian saya sedar bahawa kos pengeluaran untuk lada hitam telah meningkat dan sedang berusaha untuk membantu supaya kos pengeluaran ini akan dapat diturunkan lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan ini telah dijalankan di negeri Sarawak sejak tahun 1971 lagi. Sejumlah \$34.5 juta telah dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk rancangan ini dan sekini merupakan pemberian secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

Perusahaan lada hitam merupakan satu aktiviti yang penting di dalam ekonomi negeri Sarawak dan juga eksport negara kita. Memandangkan bertambahnya kos pengeluaran yang telah meningkat lebih 35%, Kerajaan sedang mengkaji untuk menaikkan kadar subsidi ini daripada \$750 seekar kepada satu angka yang ditentukan tidak berapa lama lagi.

Mengenai harga daging ternakan yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Sibu, Kementerian saya melalui MAJUTERNAK dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang berusaha untuk mencukupkan bekalan daging di negara ini iaitu dengan menambah perusahaan ternakan melalui sistem pawah yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan ternakan ladang oleh MAJUTERNAK. Di samping MAJUTERNAK Kerajaan akan terus membenarkan import lembu-lembu dan daging-daging sejuk untuk mencukupkan bekalan.

Persoalan keselamatan nelayan sama ada di perairan pantai dan juga di laut telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Dungun. Kementerian saya memanglah memandang berat di dalam perkara ini. Rondaan telah diadakan lebih kerap daripada biasa dan kerjasama di antara Tentera Laut, Tentera Udara dan juga negara-negara

ASEAN sedang dijalankan. Di samping itu peruntukan pada tahun 1981 ini Kementerian saya melalui Jabatan Perikanan akan meluaskan lagi sistem gerakan rondaan ini. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah mengatur cara-cara memperkemas lagi penguatkuasaan tangkapan di zon eksklusif ekonomi.

Pada tahun hadapan juga, Jabatan Perikanan juga akan menubuhkan 4 wilayah penguatkuasaan yang meliputi seluruh kawasan pengairan di Semenanjung Malaysia. Gerakan wilayah ini bertujuan untuk wujudkan satu sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan dan menyeluruh. 4 wilayah tersebut akan berpangkalan di Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, Johor Bahru dan Kuala Trengganu. Tiap-tiap pengkalan akan dilengkapi bot-bot rondaan yang lebih efektif dan diharapkan dari rancangan-rancangan tersebut nelayan-nelayan akan dapat dilindungi dari nelayan-nelayan negara asing atau lanun-lanun. Di samping itu rondaan ini akan membuat tangkapan terhadap bot-bot pukat tunda yang tidak berlesen.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Jerai yang mencadangkan supaya Lembaga Persatuan Peladang mengadakan kemudahan pengangkutan yang cukup dalam semua kawasan termasuk kawasan-kawasan yang terpencil, cadangan ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya. Yang Berhormat dari Jerai, juga telah mencadangkan supaya pihak LPP menyediakan jentera-jentera ladang yang sesuai terutamanya bagi petani-petani kecil dan mengaitkan cadangan tersebut dengan aktiviti dan masalah yang dihadapi oleh petani-petani bagi mempercepatkan penanaman padi dua kali setahun. Dalam hubungan ini Kementerian saya mempunyai rancangan untuk mengkaji dan menguji kesesuaian jentera-jentera penanam padi untuk digunakan di bendang-bendang pempatan yang tidak sama dengan bendang-bendang negara-negara dari mana jentera-jentera itu dibuat. Di atas cadangan Yang Berhormat dari Jerai juga supaya menggalakkan petani-petani menjadi pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga hasil-hasil pertanian, memanglah menjadi satu matlamat Kerajaan dan ini akan diusahakan sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang berkenaan, khususnya FAMA yang akan mempergiatkan usahanya untuk mencari pasaran-pasaran hasil pertanian dan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Bank

Pertanian juga akan mempergiatkan kemudahan kredit terutama sekali untuk petani-petani kecil.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kepong, FAMA juga ada memberi khidmat nasihat dalam pemasaran dan menolong memasarkan hasil-hasil pertanian serta memberi nasihat supaya petani-petani menanam tanaman yang sesuai supaya dapat menjamin harga pasaran hasil tanaman tersebut.

Berhubung dengan tanah terbiar, perkara ini telah dikesan oleh pihak Kementerian dan tindakan-tindakan telah diambil untuk menentukan secara mana tiap-tiap kawasan yang berkenaan itu dapat diusahakan dengan ekonomik. Perkara ini telahpun diketahui umum dan diketahui oleh orang-orang tempatan yang berkenaan. Oleh itu cadangan Yang Berhormat dari Permatang Pauh telahpun terlewat.

Saya juga ingin menafikan tuduhan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa terhadap berlakunya diskriminasi politik dalam pemberian subsidi padi serta juga penarikan balik tanah-tanah terbiar, sebenarnya perkara ini tidak pernah berlaku dan merupakan satu tuduhan yang tidak berasas. Barangkali tuduhan tersebut telah dibangkitkan oleh orang-orang yang tidak terlibat dengan pertanian atau petani-petani sendiri.

Mengenai kejatuhan harga koko dan kelapa yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Tanjung Karang, Kementerian Pertanian juga menyedari akan keadaan ini. Suka saya maklumkan bahawa turun naik harga koko dan kelapa kering adalah dipengaruhi oleh harga pasaran dunia, kerana hasil koko dan kelapa kering yang dihasilkan oleh negara kita sebahagian besarnya adalah untuk dieksport. Namun begitu walaupun harga koko telah turun tetapi harga yang terdapat pada masa ini masih lagi menguntungkan. Bagi kelapa kering pula didapati tanda-tanda menunjukkan harganya mulai pulih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan cadangan yang dikemukakan Yang Berhormat dari Jerai mengenai pemberian modal kepada nelayan membeli bot-bot besar untuk menangkap ikan di laut dalam. Sukacita memaklumkan bahawa Kementerian Pertanian telahpun diberi peruntukan bagi mengadakan skim subsidi nelayan untuk membina sebesar tidak kurang dari 70 tan

bagi membolehkan nelayan keluar menangkap ikan di laut dalam. Rancangan ini sedang dalam penelitian untuk dilaksanakan.

Bagi menjawab cadangan Yang Berhormat dari Julau, saya juga ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak sedang berusaha membuka beberapa cadangan Pejabat-pejabat Pertanian di seluruh Negeri Sarawak. Bagi tahun 1981 hingga 1982 sebanyak 5 buah cawangan akan dibuka dan beberapa buah lagi sedang dipertimbangkan. Mengenai Dasar Pertanian Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kapit, sukacita dimaklumkan bahawa dasar ini merangkumi pengeluaran bahan-bahan pertanian petani-petani.

Yang Berhormat dari Matang dan Tanjung Karang telah membangkitkan soal kenaikan elaun bagi penyelia-penyelia dan pemaju-pemaju masyarakat. Sukacita saya maklumkan bahawa perkara ini ada di dalam pertimbangan Kerajaan dan berharap akan dapat dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi galakan dan sokongan terhadap Kementerian ini. Saya yakin dengan sokongan dan galakan yang diberikan itu Kementerian saya akan lebih bergiat dalam meninggikan pendapatan dan taraf hidup kaum petani dan nelayan dalam negara kita ini. Sekiranya ada teguran-teguran yang mana saya tidak sentuh dan menjelaskannya, Kementerian saya akan mengambil perhatian sewajarnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk memberi jawapan.

4.25 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian saya semasa membahas Ucapan Dasar Belanjawan 1981. Saya suka memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya percaya akan memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

Bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal bekalan gula di mana beberapa cadangan telah dikemukakan untuk diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini. Dalam perkara ini, sukalah saya maklumkan iaitu pihak Kerajaan memang sedar bahawa keadaan bekalan gula yang kurang memuaskan adalah dirasakan oleh semua pengguna di seluruh negara terutama di kawasan pendalaman. Saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini dengan panjang lebar mengenai kedudukan bekalan gula di seluruh negara yang diakui berada di dalam keadaan yang ketat dan langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi menentukan gula mencukupi, semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung pada 14-10-1980.

Selain daripada apa yang dijelaskan oleh saya terlebih dahulu di Dewan yang mulia ini secara umum, ingin saya jelaskan berkenaan dengan barang keperluan yang diimport dari luar negeri, keadaan pasaran dunia tidak dapat tidak akan memberi kesan terhadap bekalan dan harga di dalam negeri. Berkenaan dengan gula umpamanya, pasaran dunia berkurangan sebanyak 10%. Ini menyebabkan pembelian oleh negara-negara yang sanggup membayar harga yang tinggi. Tindakan negara-negara ini menyebabkan kenaikan harga dari \$420 satu tan metrik kepada \$2,200 satu tan metrik—iaitu lebih 400%. Jika Malaysia membeli dengan harga pasaran ini maka harga runcit akan menjadi \$1.60 sen sekati atau Kerajaan terpaksa memberi subsidi 85 sen sekati. Masalah seperti ini tidak mudah diatasi oleh Kerajaan semata-mata. Rakyat perlu bantu dengan mengurangkan penggunaan gula sebanyak 20%. Jika ini dapat dibuat dan perbuatan menyeludup ke luar negeri dihentikan, kekurangan gula dapat diatasi dan harga sekarang dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah bekalan gula di Malaysia Timur seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Ulu Rejang, Serian dan Kapit, Kerajaan sedang mengatur beberapa langkah seperti menghantarkan bekalan yang dikehendaki bagi keperluan Negeri Sabah dan

Sarawak dalam sebulan dengan satu hantaran sahaja dan tidak lagi dengan secara sedikit-sedikit. Oleh sebab penghantaran bekalan gula ke Negeri-negeri di Malaysia Timur dengan kapal laut kadang kala menghadapi kegangguan, Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengadakan satu stok penimbal untuk gula bagi negeri-negeri itu.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya Kerajaan menetapkan satu jadual untuk pengedaran gula, sukalah saya menjelaskan bahawa pada masa ini, Kerajaan telah mengadakan peraturan yang menghendaki setiap pengilang gula di Negara mengemukakan ke Kementerian saya Jadual Penghantaran Yang Dirancangkan (pre-planned delivery) untuk bekalan gula kepada pengedar-pengedar dan pemborong-pemborong mereka sebulan lebih awal daripada tarikh bekalan sebenar diperbuat. Dengan adanya maklumat ini, dapatlah Kementerian saya mengawasi pengagihan bekalan gula ke sesuatu kawasan dan jika didapati bekalan yang akan diberikan berkurangan daripada biasa, Kementerian saya akan mengarahkan pengilang berkenaan menambah bekalan mereka.

Kementerian saya sentiasa menghantar Pegawai-pegawai Penguatkuasa ke kawasan-kawasan bagi mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan di setiap peringkat peniaga untuk mengesan amalan-amalan perniagaan yang tidak sihat seperti menyorok barang-barang keperluan, menjual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan dan sebagainya. Menyedari betapa mustahaknya tindakan-tindakan seperti ini Kementerian saya bukan sahaja akan menambahkan bilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa tetapi juga akan membuka lebih banyak cawangan-cawangan di seluruh Negara termasuk sebuah cawangan di Sungai Petani.

Berhubung dengan kekhawatiran Ahli Yang Berhormat dari Damansara, saya dengan tegasnya ingin menyatakan bahawa Kerajaan tidak akan semata-mata membenarkan mana-mana syarikat perniagaan memonopolikan bekalan barang-barang keperluan di dalam Negara termasuk bekalan gula.

Berhubung dengan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan mengawal iklan-iklan yang

boleh menyebabkan pengguna tertipu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang mengenai penjualan barang-barang campuran (adulterated) sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya telah dan akan terus bertindak tegas terhadap peniaga-peniaga ini di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Di sepanjang tahun 1980 Kementerian saya telah bertindak terhadap 21 orang peniaga yang mengadakan iklan-iklan yang mengelirukan dan merampas barang-barang bernilai lebih kurang \$65,500.00.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan menubuhkan sebuah "Price Justification Tribunal" sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan telah menimbang dan mengkaji syor ini dan telah mendapati bahawa sistem yang ada sekarang adalah memuaskan. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa "Price Justification Tribunal" seperti yang diamalkan di Negara-negara lain telah didapati memakan masa yang panjang untuk memutuskan sesuatu "hearing" kerana ia melibatkan berbagai-bagai golongan yang mempunyai kepentingan yang bercanggah (conflicting interest) sebaliknya sistem yang sedang diamalkan di Negara ini adalah lebih sesuai dan memuaskan dalam konteks keadaan yang berada di dalam Negara ini. Sistem yang diamalkan oleh Negara kita adalah melibatkan barang-barang kawalan, barang-barang yang diberikan perlindungan tariff dan barang-barang yang dikeluarkan oleh industri-industri yang diberikan taraf perintis oleh Kerajaan. Sebarang kenaikan harga untuk barang-barang tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Kementerian saya. Permohonan-permohonan untuk menaikkan harga hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Ulangkaji Harga di Kementerian saya, yang bertanggungjawab di dalam menerima, meneliti, menimbang, mengkaji, mengesyor dan menentukan sebarang permohonan menaikkan harga untuk barang-barang tersebut. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada Mailis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan, Perbendaharaan, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Yunit Perancang Ekonomi dan Kementerian saya. Syor-syor Jawatankuasa ini kemudiannya akan dikemu-

kakan kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk diluluskan dan jika perlu kepada Jemaah Menteri untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai konsumerisma, Kementerian saya memang sentiasa berusaha mempergiat dan memperkukuhkan gerakan pengguna di Negara ini. Dalam usaha memperkukuhkan lagi gerakan pengguna di Negara ini, Kementerian saya sentiasa menghulurkan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna untuk membolehkan mereka menjalankan kegiatan-kegiatannya. Bantuan ini diberi berdasarkan kepada prestasi dan rancangan persatuan-persatuan tersebut dan ini akan diteruskan. Semakin aktif sesuatu persatuan itu, maka semakin banyaklah bantuan yang diterima. Pada tahun 1979 bantuan kewangan sejumlah \$106,430 telah dihulurkan, manakala pada tahun ini sebanyak \$98,992 telah diberikan setakat ini. Jumlah bantuan kewangan ini dijangka akan dinaikkan kepada \$120,000 pada tahun hadapan. Sementara itu usaha-usaha pendidikan pengguna juga sedang dipergiatkan. Antara langkah-langkah yang diambil ialah menganjurkan seminar dan pameran peringkat kawasan, mengadakan ceramah dan dialog dengan institusi pengajian tinggi dan badan-badan sukarela seperti pertubuhan wanita dan sebagainya. Kementerian saya juga kini sedang berusaha menerbitkan risalah-risalah kecil untuk diedarkan kepada orang ramai bagi menyedarkan mereka akan hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna. Menyentuh tentang pandangan Ahli Yang Berhormat bagi mengadakan pendidikan pengguna di sekolah sukalah saya memberitahu bahawa langkah-langkah untuk memperkenalkan pendidikan pengguna di sekolah-sekolah telah dan sedang pun dilakukan secara formal dan informal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibul, Seremban dan Kepong telah menyuarakan kebimbangan mereka terhadap tindakan Kerajaan memberi perlindungan tarif untuk industri-industri tempatan. Sukalah saya jelaskan di sini bahawa perlindungan yang diberikan pada industri tempatan adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk membangunkan industri-industri di negara kita.

Perlindungan tarif akan hanya diberi sekiranya industri-industri itu dapat memenuhi syarat-syarat yang tertentu seperti menentukan bekalan adalah mencukupi untuk menampung keperluan tempatan, kualiti barangan yang dikeluarkan adalah setanding dengan barang yang diimport dan sebarang kenaikan harga hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan Kementerian saya. Walau bagaimanapun, memang menjadi dasar Kerajaan bukan hendak melindungi industri-industri ini dengan selama-lamanya. Tetapi, perlindungan yang diberi ini adalah dikaji semula dari masa ke semasa dan ditamatkan atau diturunkan apabila difikirkan perlu. Ingin saya menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa sebarang pemberian perlindungan tarif adalah dibuat hanya selepas kajian yang teliti ke atas faedah-faedah yang akan diperolehi dari industri-industri ini dalam jangka panjang. Sukalah saya maklumkan di sini iaitu adalah lebih menguntungkan kepada Negara kita sekiranya setengah-tengah barang import dapat diproses atau dikilangkan di Negara kita seperti gula, kacang soya dan sebagainya kerana kita tidak perlu bergantung semata-mata kepada negeri-negeri ketiga yang "re-export" dan juga kita dapat menentukan yang bekalan-bekalannya mencukupi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh tentang pembangunan industri-industri kecil. Kerajaan memang sedar bahawa industri-industri kecil boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi. Walaupun dari segi nilai keluaran atau sumbangan kepada keluaran kasar Negara oleh industri-industri kecil ini adalah kecil, tetapi dari segi bilangan, mereka ini memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi. Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih berat ke atas pembangunan industri-industri dan peniaga-peniaga kecil. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum galakan-galakan bagi memajukan perusahaan dan perniagaan kecil walaupun dicadangkan dalam Anggaran Belanjawan tahun 1981, di mana Kerajaan bagi kali yang pertama telah mengartikan industri-industri kecil sebagai enterpris yang berdaftar yang mempunyai harta bersih atau kumpulan wang pemegang saham bagi syarikat-syarikat sehingga \$250,000.00 dan had pinjaman daripada institusi kewangan tidak melebihi \$250,000.00. Rang-

kain galakan yang dicadangkan juga termasuk pinjaman Bank sehingga \$50 ribu tiap-tiap satu tanpa sebarang cagaran dengan kadar faedah yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan telah sedia ada memberi kemudahan-kemudahan dan dorongan kepada pembangunan industri-industri kecil negara dengan memberikan beberapa perkhidmatan seperti bantuan kewangan, kemudahan latihan dan bantuan teknikal. Perkhidmatan-perkhidmatan ini sedang diberikan oleh pelbagai agensi seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Malaysian Industrial Development Finance, Syarikat Jaminan Kredit (CGC) Bank Pembangunan dan Bank Pertanian. Untuk menentukan kelicinan pembangunan industri-industri kecil Kerajaan akan menubuhkan sebuah bahagian khas di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia untuk menyelaraskan usaha-usaha itu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan mengadakan kawasan tertentu untuk industri-industri kecil terutama sekali di Wilayah Persekutuan, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian saya memang sedar tentang perlunya mengadakan tapak yang sesuai untuk perusahaan-perusahaan kecil terutama sekali di kawasan-kawasan sekitar Bandar, akan tetapi Kementerian saya tidak dapat bertindak secara langsung kerana perkara tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa tapak yang sesuai dan juga kemudahan infrastruktur disediakan untuk semua industri. Dengan tertubuhnya bahagian khas di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia adalah diharapkan masalah-masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil ini dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mencadangkan supaya perusahaan-perusahaan sekarang dimodenkan dengan cara memasang kelengkapan-kelengkapan moden. Dalam hal ini ingin saya memberitahu iaitu Kerajaan sentiasa menggalakkan perusahaan-perusahaan sekarang supaya memodenkan pengeluaran mereka dengan cara memasang kelengkapan-kelengkapan yang terbaharu (up-to-date). Untuk tujuan ini Kerajaan memberi

galakan-galakan yang liberal seperti Elaun Susutan Dipercepatkan (Accelerated Depreciation Allowance) dan Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance). Elaun Susutan Dipercepatkan atau A.D.A. yang mengandungi elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 80% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan loji telah dilanjutkan kepada semua badan-badan perusahaan dan perindustrian dalam Belanjawan 1978 untuk tahun-tahun taksiran 1978 hingga 1980. Tempoh berkenaan ini dilanjutkan selama tiga tahun lagi berakhir pada tahun taksiran 1983. Begitu juga dengan elaun pelaburan semula di mana sebanyak 25% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan loji dan ke atas bangunan perusahaan telah diberi untuk tahun-tahun taksiran 1980-1982 kepada perusahaan pembuatan (manufacturing) dan pemerosesan (processing) telah juga dilanjutkan hingga tahun taksiran 1983.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah menggesa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berusaha mengeksport keluaran-keluaran usahawan-usahawan kecil seperti kelapa, lada dan lain-lain. Kementerian saya memang sentiasa menggalak pengeksporan keluaran-keluaran usahawan kecil-kecilan dan akan terus berusaha untuk menjaga kepentingan mereka. Dalam program-program galakan eksport Kementerian ini umpamanya dalam rombongan dan paminan perdagangan ke luar negeri, perusahaan-perusahaan kecil-kecilan ini juga turut serta untuk memperkenalkan serta memperluaskan pasaran bagi keluaran-keluaran mereka di luar negeri. Di samping itu ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian saya telah dan akan terus berusaha untuk mendapatkan konsessi-konsessi tarif untuk keluaran-keluaran tersebut supaya mereka dapat memasuki pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan buah-buah fikiran mengenai tugas-tugas Kementerian saya, sekiranya di dalam ucapan saya ini, tidak sempat saya memberi ulasan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, namun saya ingin menyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ulasan dan teguran mereka akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk menjawab.

4.45 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan memberi cadangan-cadangan yang membina ke atas beberapa perkara yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Kementerian saya.

Menyentuh tentang saranan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang mencadangkan supaya pengeksporan kayu balak dikurangkan, sukacita saya memaklumkan bahawa bagi Semenanjung Malaysia eksport kayu balak telah lama dikawal iaitu melalui sistem kuota eksport. Jumlah kuota eksport yang diluluskan pada tiap-tiap tahun adalah terhad dan ditentukan mengikut keadaan bekalan kayu balak di dalam negeri. Sekiranya terdapat keadaan lebihan (surplus) bekalan kayu balak di pasaran tempatan maka barulah kuota eksport dikeluarkan. Di samping kawalan melalui sistem kuota, setakat ini sejumlah 16 "species" kayu balak yang popular telah diharamkan daripada dieksport sama sekali.

Kementerian saya sememangnya merasa bahawa pengawalan seumpama ini ada baiknya dipanjangkan bukan hanya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Namun demikian, oleh kerana soal ataupun masa'ah hutan ataupun perkara-perkara yang berbangkit adalah soal atau masalah negeri masing-masing maka dalam apa sahaja perkara-perkara yang dirancang ataupun dicadangkan, Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut haruslah dihubungi dan dibawa berunding bersama supaya persetujuan dan kata sepakat dapat dicapai. Ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tidaklah dapat diputuskan dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, dengan sokongan Ahli Yang Berhormat sendiri yang berasal daripada Sabah, Kementerian saya akan sentiasa berusaha ke arah pencapaian matlamat ini.

Menyentuh tentang kelapa sawit pula, jika dibandingkan dengan kos pengeluaran adalah kurang tepat untuk mengatakan bahawa pengusaha-pengusaha kelapa sawit

terutama sekali pekebun-pekebun kecil telah kerugian sungguhpun harga buah kelapa sawit kini tidak begitu tinggi berbanding dengan masa-masa lalu. Walau bagaimanapun, buah kelapa sawit itu bukanlah mengalami kemerosotan harga sama sekali tetapi cuma keadaan harga yang turun naik. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga buah kelapa sawit itu adalah bergantung kepada harga minyak kelapa sawit di pasaran dunia. Oleh itu harga akan bertambah baik jika harga minyak kelapa sawit naik di pasaran dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh tentang penghasilan minyak diesel dari minyak kelapa sawit. Buat masa ini, suka saya jelaskan. Kementerian saya tidak dapat memastikan sama ada ada atau tidak usaha menghasilkan minyak diesel dari minyak kelapa sawit seperti yang dijalankan oleh University Malaya itu "Commercially Viable" ataupun menguntungkan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, memanglah menjadi tugas Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa sawit Malaysia (PORIM), sebuah badan penyelidikan Kerajaan untuk memperluaskan penyelidikan dalam usaha mencari gunaan-gunaan baru bagi bahan ini.

Dalam industri minyak kelapa sawit, Kerajaan tidak semestinya bergantung kepada tenaga buruh sahaja untuk menambahkan pengeluaran. Di sebaliknya untuk menambahkan pengeluaran bahan itu, Kerajaan akan menumpukan juga kepada kualiti bahan-bahan tanaman dan kaedah-kaedah pengeluaran. Penyelidikan dalam bidang itu sedang dan akan sentiasa dititikberatkan oleh PORIM.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengambil berat terhadap turun-naiknya harga minyak kelapa sawit di pasaran dunia. Sungguhpun penstabilan harga bahan ini bergantung juga kepada bekalan dan permintaan terhadap lain-lain jenis minyak sayur-sayuran dan lemak dunia, namun Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menohadaki turun-naik harga bahan tersebut. Jadi dalam hal ini Kementerian saya akan mencari pasaran baru, di samping memperluatkan lagi pasaran yang sedia ada dengan cara melalui penyelidikan bagi meningkatkan lagi kualiti dan mencari gunaan baru bagi bahan ini.

Berkenaan dengan pengesyoran Yang Berhormat dari Kawasan Tuaran supaya ditubuhkan kilang memproses atau melebur tembaga dilaksanakan di kawasan melombong, pihak Kerajaan sedang memberi perhatian terhadap penubuhan kilang tersebut dan satu syarikat perunding antarabangsa telah ditugaskan untuk mengadakan satu kajian "feasibility" bagi menentukan sama ada kilang tersebut boleh atau tidak ditubuhkan di Malaysia. Jawatankuasa peugas yang mengandungi ahli-ahli daripada Kerajaan Persekutuan dan Sabah sedang menawasi perkara ini. Apabila kajian tersebut telah selesai dibuat maka satu laporan akan dikemukakan kepada Kerajaan.

Kementerian saya adalah menyambut baik di atas cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih supaya agensi-agensi Kerajaan diberi lebih peranan-peranan untuk mengeluarkan lesen menasap, mengeksport dan menjual. Berkenaan dengan perkara di atas, suka saya memaklumkan bahawa tugas mengeluarkan lesen kepada pembeli getah sekarang adalah tanggungjawab Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (LPPGM). LPPGM sentiasa menasap aktiviti pembeli getah untuk menentukan bahawa pekebun-pekebun kecil getah akan menikmati harga yang menasabah dan berpatutan dengan duti eksport getah yang baru. Setakat ini LPPGM mempunyai 7 pejabat kawasan yang diketuai oleh 7 orang Ketua Kawasan untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama insya Allah akan meneliti cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada yang dibangkitkan dalam perbahasan ucapan Belanjawan ini ataupun di masa-masa lain.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya iemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk menjawab.

4.53 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie Anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh

sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian ini di sepanjang perbincangan atas dasar mengenai Belanjawan 1981.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedari dunia kita sekarang ini sedang menghadapi masalah tenaga dan Malaysia tidaklah terkecuali. Namun begitu Malaysia telahpun mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesan-kesan yang buruk yang mungkin menimpa ekonomi negara kita dalam jangka panjang.

Seperti kita maklum juga harga minyak telah melambung naik dan negara kita terpaksa bertindak dengan tegas untuk mengurangkan dengan secepat mungkin yang boleh penggantungan kita ke atas bahan-bahan petroleum. Di dalam keadaan harga bahan-bahan petroleum yang tinggi dan bekalan yang ada sekarang ini, Kerajaan telah membenarkan mulai dari 1-12-80 ini pengubahan tarif elektrik dengan tujuan supaya pengguna-pengguna menggunakan elektrik dengan lebih berjimat lagi.

Seperti yang saya telah nyatakan adalah dianggarkan kenaikan tarif elektrik tidak akan mendatangkan beban kepada pengguna-pengguna yang mengguna kecil sahaja. Walaupun kita sedar bahawa kenaikan tarif elektrik mungkin meningkatkan kos pengeluaran industri-industri tertentu, tetapi mengikut kajian yang telah dibuat kebanyakan kos elektrik cuma sebahagian kecil sahaja dari keseluruhan kos pengeluaran barang-barang dan ianya tidak patut semata-mata dipanggil sebagai scapegoat untuk menaikkan harga barang yang melambung-lambung. Tambahan pula Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi diskaun sebanyak 20% kepada industri-industri yang tertentu yang mempunyai syarat-syarat yang tertentu termasuk jika kos elektrik menjadi 25% atau lebih dari kos pengeluaran dan juga jika industri itu mengeluarkan lebih dari 60% pengeluarannya untuk pasaran tempatan. Walaupun demikian kita sedia maklum bahawa di dalam keadaan yang ada sekarang ini tidak ada negara yang dapat mengelakkan dari kenaikan harga barang memandangkan bahan petroleum telah melambung naik. Apa yang perlu dijalankan ialah untuk meneurankan beban kepada rakyat di samping mengurangkan penggantungan negara kita ke atas bahan

petroleum dengan menggunakan harga-harga yang juga mencerminkan kedudukan masalah tenaga yang sebenarnya.

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyatakan bahawa penggunaan minyak bahan api yang merupakan suatu bahan petroleum dalam penanaan kuasa elektrik adalah lebih kurang 85% dan selebih sebanyak 15% adalah dengan kuasa hydro. Kadar penggunaan ini dijangka akan dapat dikurangkan kepada satu kadar yang lebih memuaskan dengan secara berperingkat-peringkat. Di dalam hal ini Kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan sumber tenaga alternative yang terdapat di negara kita seperti mengeksploitasikan serta memajukan potensi-potensi hydro, gas asli dan lain-lainnya.

Negara ini seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum ialah sebuah negara mengekspor petroleum tetapi petroleum yang negara kita punyai adalah terhad. Oleh yang demikian Kerajaan sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini telah merangka Dasar Pengeluaran-pengeluaran Petroleum Negara (National Petroleum Dep'tion Policy) untuk memastikan agar tempoh pengeluaran petroleum dapat dipanjangkan lagi. Memandangkan kedudukan simpanan minyak negara yang terhad serta kos pengeluaran tenaga yang kian meningkat maka rakyat juga haruslah dinasihat atau digalakkan untuk menjimatkan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan kos pengeluaran tenaga yang kian meningkat ini, Kerajaan tidak lupa akan janji-janjinya kepada rakyat untuk membekal elektrik kepada pengguna-pengguna terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Berhubung dengan perkara ini Kerajaan akan terus memberi perhatian ke kawasan-kawasan yang terpencil, di pedalaman negeri Sarawak maksudnya yang tidak dapat dibekalkan dengan elektrik dalam rangkaian penghantaran dan pembahagian pada masa ini oleh kerana ketiadaan infrastruktur seperti jalanraya. Kerajaan akan berterusan memberi set-set generator-generator untuk kegunaan kawasan-kawasan ini.

Berhubung dengan rancangan bekalan elektrik pula ianya akan diperkembangkan untuk memenuhi pertambahan permintaan

elektrik natijah daripada pembangunan industri serta permodenan sektor pertanian. Ke arah mencapai matlamat ini Lembaga Letrik Negara bercadang akan menambahkan muatan talian penghantaran dan pembahagian di mana yang wajar supaya bekalan yang kukuh terjamin serta memperhebatkan usaha untuk memastikan agar projek-projek pembinaan dan pembesaran stesen-stesen jana elektrik dapat disiap seperti yang dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa betapa perlunya pihak Lembaga Letrik Negara mengurangkan kos pengeluaran Lembaga itu sendiri. Dalam usaha ini Kementerian saya bersama-sama dengan MAMPU sedang menjalankan usaha mengkaji Lembaga Letrik Negara dengan tujuan supaya Lembaga Letrik Negara dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih baik lagi dan menghasilkan kos pengeluaran tenaga yang lebih rendah lagi. Kajian ini dijangka siap tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga sentiasa mengkaji prestasi serta mutu perkhidmatan semua agensi dan jabatan di bawahnya supaya dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagaimana yang diharapkan oleh orang ramai. Di dalam hal ini beberapa langkah telahpun diambil baru-baru ini untuk meninggikan mutu perkhidmatan Jabatan Telekom. Kementerian ini sedar bahawa baru-baru ini telah dapat banyak pengaduan dari orang ramai mengenai perkhidmatan telefon yang kurang memuaskan. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum laporan kerosakan telefon dan meter charges berbanding dengan penggunaan telefon di seluruh negara adalah kecil sahaja. Laporan kerosakan telefon yang telah diterima :

1977	...	...	2.91%
1978	...	...	7.81%
1979	...	...	1.66%

Berhubung dengan perkara meter charges pula laporan yang diterima :

1977	...	...	4.9%
1978	...	...	3.6%
1979	...	...	3.26%

Jabatan Telekom memang sentiasa berusaha membaiki kerosakan telefon dan meneliti semua laporan mengenai meter charges dengan seberapa segera yang boleh

dengan tujuan untuk mengatasi masalah ini juga, Kementerian saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengkaji secara berterusan atau as on going exercise atas perkhidmatan telekom dengan tujuan untuk meningkatkan lagi prestasi dan mutu perkhidmatan jabatan itu dalam konteks perkembangan yang begitu pesat. Seajar juga dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan kemajuan industri di negara ini dan memandangkan bahawa perkhidmatan telekomunikasi penting dalam mencapai tujuan ini, Kementerian juga telah merancang untuk menambahkan lagi bilangan pengguna-pengguna telefon dan telex masing-masing dari jumlah lebih kurang 400,000 dan 3,500 di akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kepada 1.3 juta dan 15,000 di akhir Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita akan terus mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek itu. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum juga tanggungjawab dan tugas-tugas yang dijalankan oleh agensi-agensinya yang menjaga kemudahan-kemudahan awam seperti Lembaga Letrik Negara, Jabatan Telekom atau Jabatan Pos adalah merupakan perkara-perkara yang sentiasa diawasi oleh pengguna-pengguna sama ada jabatan Kerajaan, pihak swasta mahu pun orang awam. Dalam hal ini sebarang aduan yang diterima hendaklah dilihat dari perspektif yang betul. Sekiranya tidak, orang ramai akan selama-lamanya mempunyai pandangan yang tidak baik terhadap organisasi-organisasi yang berkenaan.

Mengikut statistik yang saya sebutkan tadi angka yang tidak memuaskan adalah sebahagian kecil jika dibandingkan dengan jumlah kemudahan yang diberi. Walau bagaimanapun, kita memang tidak menafikan bahawa dari masa ke semasa memang terdapat kelemahan di dalam organisasi yang tertentu dan kelemahan-kelemahan ini adalah kadangkala sukar diatasi memandangkan ia-nya disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar dugaan. Namun demikian, saya tidaklah ingin menggunakan sebab-sebab tersebut sebagai satu helah dalam melaksanakan tanggungjawab kepada orang ramai, memandailah saya menegaskan di sini bahawa tindakan-tindakan yang sewajarnya sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan.

Kementerian saya akan berusaha dengan sepenuhnya untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab selaras dengan objektif Kerajaan untuk memberi khidmat yang sebaik-baiknya kepada pengguna.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.05 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan atas perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

izinkan saya memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan seperti berikut.

Dalam perbahasannya mengenai Belanjawan tahun 1981, pada 22hb Oktober, 1980, Ahli Yang Berhormat dari Petaling, mendakwa Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah kekurangan rumah. Tuduhan ini adalah tidak benar sama sekali. Sebenarnya Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah. Kementerian sentiasa mengesan keperluan perumahan di tiap-tiap negeri untuk membolehkannya menentukan negeri-negeri yang manakah yang mengalami keperluan rumah yang teruk. Dengan cara demikian, Kerajaan dapatlah mengambil keputusan mengenai pembahagian peruntukan untuk projek-projek rumah awam kos rendah, di mana negeri-negeri yang memerlukan banyak rumah adalah diberikan peruntukan yang lebih.

Langkah-langkah yang lain seperti menambahkan bilangan pekerja-pekerja pembinaan yang mahir melalui program-program yang akan dijalankan oleh MARA dan Pemaju Perumahan serta kontraktor-kontraktor, telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya. Galakan berbentuk allowance dan potongan kepada cukai pendapatan akan diberi kepada pemaju-pemaju dan pemborong-pemborong yang sanggup memberi latihan secara amali praktikal selama

tempoh 3 bulan. Pengecualian tertentu daripada cukai Kastam akan juga diberikan kepada mereka yang terlibat dalam industri-industri binaan kerana mengimpot mesin-mesin dan alat-alat serta bahan-bahan binaan.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyatakan Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan pelaksanaan perumahan yang rendah berbanding dengan kemampuan pelaksanaan projek-projek di bidang lain. Walaupun ini adalah benar pada dasarnya terutama sekali pada permulaan Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi selepas Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, hampir semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah menubuhkan yunit perumahan untuk mengendalikannya program perumahan awam kos rendah dalam negeri masing-masing. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menambahkan lagi kakitangan di yunit perumahan di tiap-tiap negeri itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membuat tuduhan bahawa pembahagian rumah adalah tidak adil. Tuduhan itu adalah sama sekali tidak benar. Pembahagian perumahan awam kos rendah adalah mengikut syarat-syarat tertentu. Di antara syarat-syarat ialah pemohon mestilah mempunyai pendapatan tidak lebih daripada \$500 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan tidak lebih daripada \$700 sebulan bagi Sabah dan Sarawak. Pemohon juga mestilah bermastautin di negeri yang berkenaan dan belum mempunyai tanah atau rumah. Sesiapa yang memenuhi syarat-syarat ini adalah layak untuk membuat permohonan bagi mendapatkan rumah awam kos rendah. Satu lagi cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai program kilat melalui rancangan perumahan untuk mengatasi masalah setinggan di bandar. Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa projek-projek rumah awam kos rendah adalah untuk kepentingan golongan berpendapatan rendah, termasuk juga setinggan-setinggan.

Tanah Kerajaan yang diduduki oleh setinggan dan diperlukan untuk projek pembangunan akan diambil balik dan setinggan-setinggan yang terlibat akan dipindahkan ke rumah-rumah sementara. Mereka inilah yang layak diberi keutamaan untuk mendapatkan rumah awam kos rendah yang dibina di tempat tersebut di samping itu penghuni-penghuni yang menyewa juga di antara yang layak untuk ditimbang mendapat rumah awam kos rendah itu.

Mengenai cadangan supaya Kementerian saya mengkaji semula Akta Kawalan Sewa 1966, maka sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan telah pun melantik satu Jawatankuasa bagi mengkaji semula Akta Kawalan Sewa yang berkenaan. Laporan Jawatankuasa itu telah pun disiapkan dan sekarang adalah di dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, serta beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain mengesyorkan bahawa sebuah Perbadanan Perumahan Negara ditubuhkan. Saya ingin menerangkan bahawa keputusan muktamad belum lagi diambil mengenai penubuhan Perbadanan Perumahan Negara sebagaimana yang disyorkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang, ada mencadangkan supaya Kerajaan mengikhtikarkan satu rancangan untuk memenuhi keperluan perumahan bagi satu-satu negeri. Seperti yang saya telah terangkan tadi, dalam pelaksanaan rancangan rumah awam kos rendah pembahagian peruntukan bagi negeri-negeri adalah berdasarkan kepada keperluan dan juga keupayaan negeri-negeri yang berkenaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Matang itu juga telah meminta Kerajaan mencari jalan supaya rumah kos rendah dibina dengan harga di antara \$15,000-\$25,000 seunit. Dalam hal ini, ingin saya menyatakan bahawa bagi rumah awam kos rendah, harga pembinaan yang habis tinggi ialah \$15,000 seunit yakni untuk rumah pangsa. Bagi rumah harga rendah yang dibina oleh pemaju swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain pula, harga jualannya mestilah tidak melebihi daripada \$20,000 seunit.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Matang, supaya lebih banyak rumah-rumah dalam satu-satu projek perumahan hendaklah terdiri dari rumah harga rendah, dan projek perumahan dijalankan juga di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan, bolehlah dipertimbangkan. Ahli Yang Berhormat ada juga mencadangkan supaya perumahan sektor awam menyediakan kemudahan seperti tempat membeli-belah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, maka pada umumnya, perkara ini adalah sedang diamalkan sekarang. Projek-projek perumahan awam yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Perbadanan-perbadanan

yang lain seperti FELDA, DARA dan KEJORA umpamanya, juga membina kedai-kedai. Malah ada di antara projek rumah awam harga rendah yang diluluskan oleh Kementerian saya telah menyediakan gerai dan kedai untuk penduduk-penduduk kawasan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu mengenai pembinaan rumah oleh Jabatan-jabatan untuk kegunaan mereka yang terlibat dalam bidang aktiviti Jabatan-jabatan tersebut, pada dasarnya adalah baik asalkan aktiviti-aktiviti tersebut melibatkan pemindahan penduduk. Sebagai contoh, beliau telah memberi misal perumahan kawasan nelayan boleh dibina oleh Kementerian Pertanian. Tetapi yang perlu difikirkan dahulu ialah sama ada agensi-agensi yang berkenaan mempunyai keupayaan dan kewangan untuk mengendalikan projek tersebut. Lagi pun kerana tiap-tiap projek perumahan memerlukan tapak projek tersebut mestilah dilaksanakan melalui Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa atas perkara tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya pernah meluluskan projek rumah awam kos rendah berbentuk Kampung Nelayan umpamanya, Kampung Nelayan di Mersing, Johor.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada mencadangkan supaya Kerajaan menilai kaji semula harga bahan-bahan binaan. Dalam hal ini, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi harga-harga bahan binaan. Simen umpamanya, ialah di antara barang yang dikawal dan oleh yang demikian harganya di Malaysia adalah kurang daripada harga bahan tersebut di negara-negara jiran. Walau bagaimanapun, harga pasaran dunia boleh mempengaruhi harga bahan-bahan binaan di negeri kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya Kerajaan menyasiat mereka yang mempunyai lebih dari sebuah rumah. Saya ingin menerangkan bahawa memiliki lebih dari sebuah rumah bukan suatu kesalahan asalkan seorang itu mampu membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah meminta Kerajaan menggubal satu Dasar Perumahan Negara. Seperti yang diketahui umum, Kerajaan sudah mempunyai dasar perumahan seperti yang dihuraikan dalam Manifesto

Parti Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan memerlukan, Dasar Perumahan ini boleh diperbaiki dan diperluaskan lagi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya semua negeri menyertai pembinaan rumah kos rendah secara efektif seperti saya terangkan tadi, penubuhan yunit perumahan di negeri-negeri adalah satu daripada langkah-langkah ke arah membaiki keupayaan perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada mengesyorkan supaya Kerajaan Pusat dapat menentukan bahawa Kerajaan Negeri dapat mencapai sasaran keperluan rumah-rumah di negara kita.

Seperti yang diketahui umum pelaksanaan projek perumahan adalah dijalankan oleh sektor awam dan swasta. Pengendalian projek perumahan sektor awam adalah dipertanggungjawabkan kepada beberapa agensi Kerajaan. Kementerian saya yang bertanggungjawab atas rancangan rumah awam kos rendah, sentiasa mencari jalan supaya sasaran tiap-tiap negeri dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mendakwa bahawa lawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Eropah pada bulan Mei yang lalu adalah membuang masa. Tuduhan ini adalah tidak benar. Yang Berhormat Menteri itu telah melawat 3 negeri Eropah selepas menghadiri Persidangan United Nation's Commission on Human Settlements di Mexico City. Semasa di Mexico, beliau telah melihat rumah harga murah yang dibina oleh Kerajaan Mexico dengan menggunakan bahan-bahan pre-fab. Beliau telah dapat mengetahui sedikit sebanyak tentang pro dan kontra kegunaan bahan pre-fab tersebut. Di Negeri Perancis pula, beliau telah diperkenalkan dengan sistem binaan industrialised dan didapati di antara sistem ini yang boleh dipakai di negeri kita untuk mempercepatkan pembinaan rumah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah melihat projek rumah kos rendah yang dijalankan oleh negara jiran kita dan apa telah dipelajari dari lawatannya itu akan dapat membantu Kementerian merancang program perumahan khususnya program rumah awam kos rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, telah meminta supaya Kerajaan membina lebih banyak rumah panjang di Sarawak. Dalam hal ini Kerajaan akan memberi peruntukan yang lebih banyak kepada Negeri Sarawak untuk projek Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan Rancangan Malaysia Ketiga. Sama ada projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah berbentuk rumah panjang atau sebaliknya adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri Sarawak sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, dalam pembahasannya pada 24hb Oktober, ada mencadangkan supaya rumah-rumah perlu didirikan di kawasan yang memerlukan rumah. Seperti saya terangkan tadi, dalam merancang projek-projek perumahan, Kerajaan memang berpandukan kepada keadaan yang demikian itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya Dasar Perumahan Negara perlu digubal untuk mengawal harga rumah yang tinggi, mengawal raket-raket menjual beli rumah dan menghadkan nilai atau harga rumah. Saya ingin menerangkan bahawa penggubalan Dasar Perumahan tidak akan dapat mengatasi masalah ini. Dalam pasaran bebas, harga sesuatu barang adalah ditentukan oleh keadaan bekalan yang cukup untuk menampung keperluan. Begitu juga keadaannya dalam hal perumahan. Oleh yang demikian, pembinaan rumah mengikut jenis rumah dengan kemampuan rakyat perlulah dilaksanakan dengan banyaknya oleh pihak swasta dan awam. Mengenai raket menjual beli dan sebarang penyelewengan tindakan boleh diambil sekira buktinya ada untuk menghadapkan pemaju-pemaju yang berkenaan mahkamah. Menyentuh satu lagi teguran daripada Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa Dasar Ekonomi Baru sentiasa diamalkan di dalam pelaksanaan, pembahagian rumah awam kos rendah dan juga dalam penjualan rumah yang dibina oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar, ingin saya menjelaskan bahawa Skim Pinjaman Perumahan yang dikelolakan oleh Kementerian saya dibiayai dari Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah mulai tahun 1976 dengan pinjaman perseorangan yang tidak melebihi \$5,000.00.

Pihak Perbendaharaan meluluskan cadangan Kementerian saya ini bagi jumlah tersebut dinaikkan kepada \$7,500.00 mulai 15-12-1978. Jumlah maksima ini dikekalkan berasaskan kepada keupayaan keseluruhan peminjam setakat ini untuk membayar ansuran bulanan yang ditetapkan mengikut jadual yang disediakan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji keperluan dan kemungkinan untuk membuat cadangan supaya dinaikkan kadar yang ditetapkan sekarang kepada lebih dari \$7,500.00 itu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk menghalang orang-orang asing membeli rumah di Malaysia sebagai cara untuk mengawal kenaikan harga rumah, perkara ini perlu kajian yang lebih mendalam dari segi implikasi tindakan ini. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan minat orang-orang asing untuk melabur di Malaysia dengan cara membeli rumah dengan harga yang lebih tinggi, Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada mereka iaitu dengan tidak memberikan cukai seperti yang diberikan kepada orang-orang tempatan. Cadangan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan seperti di dalam ucapan Belanjawannya tempoh hari.

Yang Berhormat menyatakan syarat 30% rumah dihaskan untuk bumiputra tidak diikuti oleh sebahagian pemaju-pemaju perumahan.

Pada dasarnya Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengenakan syarat-syarat 30% ini, tetapi tiap-tiap Kerajaan Negeri melaksananya dengan cara mereka tersendiri, yang berbeza-beza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Tetapi yang pentingnya ialah tindakan-tindakan memang ada diambil oleh Kerajaan-kerajaan negeri untuk mencapai objektif ini. Di samping itu berbagai langkah pentadbiran telah diambil untuk memastikan syarat-syarat ini dipatuhi oleh pemaju-pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tumpat meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menentukan bahawa para pemaju swasta mengadakan projek-projek kemajuan yang menggambarkan identiti Malaysia. Secara amnya bentuk sesuatu skim perumahan ada mempunyai ciri-ciri yang menggambarkan identiti Malaysia. Tetapi definisi identiti Malaysia di sini ialah

satu perkara yang tidak dapat didefinisikan dengan mudah oleh itu pendekatan kepada soal ini adalah berasaskan kepada asalkan skim perumahan mengandungi unsur-unsur keperibadian bangsa Malaysia misalnya reka bentuk bangunan, kemudahan-kemudahan awam memenuhi keperluan sosial berbagai-bagai kaum ataupun feature-feature dalam kawasan perumahan itu yang melambangkan ataupun yang mencerminkan unsur-unsur kebudayaan peribumi adalah dianggap menggambarkan identiti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telah mengesyorkan supaya mengadakan kursus-kursus dan latihan-latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Majlis-majlis Daerah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan pihak INTAN memang telah mengadakan kursus latihan untuk kakitangan dan pegawai-pegawai penguasa-penguasa tempatan seperti menganjurkan Bengkel/Seminar Kerajaan Tempatan, kursus-kursus secara *ad hoc* bagi pegawai-pegawai peringkat rendah dan di samping itu Kerajaan Negeri juga ada menganjurkan latihan bagi pekerja-pekerja penguasa-penguasa tempatan di peringkat negeri. Selain daripada itu Kerajaan juga ada menghantar pegawai-pegawai untuk menghadiri kursus-kursus di luar negeri mengenai Kerajaan Tempatan seperti kursus IULA dan kursus Pembangunan Bandar. Kementerian bercadang akan meneruskan kursus-kursus tersebut di masa-masa akan datang.

Beliau juga meminta Majlis-majlis Daerah supaya menjaga kebersihan bandar dan juga syorkan undang-undang lebih ketat untuk menjaga dan menentukan kebersihan bandar-bandar kita.

Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu, Undang-undang Kerajaan Tempatan memang telah menyediakan peruntukan bagi kebersihan bandar dan kawasan-kawasan penguasa-penguasa tempatan. Oleh kerana Majlis-majlis Daerah baru saja disusun semula dan kedudukan kewangan serta kakitangan masih belum kukuh maka tindakan untuk membersihkan kawasan-kawasan Majlis Daerah belum lagi dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun memberi peruntukan kepada Majlis-majlis

Daerah bagi membeli jentera-jentera dan alat-alat kelengkapan bagi tujuan kebersihan bandar seperti lori sampah, lori najis, tong-tong sampah, mesin-mesin rumput dan sebagainya. Dengan pembelian alat-alat tersebut dan pengujudan organisasi yang lebih kukuh adalah diharapkan peruntukan Undang-undang Kerajaan Tempatan dapat dikuatkuasakan dengan lebih efektif dan dengan itu dapat menentukan keadaan yang lebih bersih dan selesa di bandar-bandar kita.

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah itu juga saya suka menyatakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi menamakan jalan-jalan, kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya adalah Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan.

Pihak-pihak berkuasa tersebut ini mempunyai jentera pentadbiran mereka sendiri untuk memberi nama-nama atau menukar nama-nama jalan, kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya. Sungguhpun begitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memberi panduan kepada pentadbir-pentadbir Negeri mengenai cara-cara menamakan kawasan-kawasan perumahan, jalan-jalan dan sebagainya. Asas penamaan ini adalah berlandaskan konsep Rukunegara, Kebudayaan Malaysia, Sejarah Malaysia, Sejarah Tempatan, penggunaan Bahasa Malaysia, kekayaan alam negara dan sebagainya.

Kementerian saya juga adalah mengikuti perkembangan proses penamaan jalan-jalan oleh pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah mengesyorkan supaya Kerajaan mewujudkan satu skim baru iaitu Skim Perumahan Awam Kos Sederhana sebagaimana juga Skim Perumahan Awam Kos Rendah yang sedang dijalankan sekarang. Kementerian saya memang sedar bahawa golongan yang berpendapatan sederhana juga memerlukan rumah-rumah yang berharga sederhana kerana pada masa sekarang ini mereka itu yang berpendapatan melebihi daripada \$500.00 sebulan tidak berhak meminta rumah-rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan golongan itu juga tidak berkemampuan membeli rumah-rumah

harga mahal yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Syor Ahli Yang Berhormat itu memanglah baik tetapi sekiranya skim ini akan dilaksanakan ianya sudah tentu akan memerlukan usaha dan peruntukan yang banyak. Oleh yang demikian syor Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan Skim Perumahan Awam Kos sederhana ini akan dikaji dengan teliti terlebih dahulu oleh pihak Kementerian saya.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan masalah peluang pinjaman perumahan yang terhad kepada golongan berpendapatan rendah terutama sekali penduduk-penduduk luar bandar dan pekerja-pekerja yang tidak berpeluang mendapat kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan. Sebagaimana yang telah saya jelaskan semasa mengulas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Kementerian saya memang mempunyai Tabung Pusingan sebanyak \$10 juta untuk maksud tersebut. Barangkali masih ramai orang yang belum mengetahui wujudnya skim pinjaman ini dan Kementerian saya akan meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan memberi penjelasan dan perkhidmatan memberi kemudahan untuk mereka dari golongan berpendapatan rendah ini memperolehi kemudahan pinjaman bagi membina rumah di atas tanah-tanah kepunyaan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin mengambil peluang menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkait dengan Kementerian saya. Syor-syor dan pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu sesungguhnya menunjukkan minat yang tinggi Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai terhadap Kementerian saya, khususnya dalam bidang perumahan, Penguasa Tempatan dan lain-lain Jabatan. Syor-syor dan pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian serius dan mana-mana yang sesuai akan diteliti untuk dilaksanakan. Saya meminta maaf kerana masa tidak mengizinkan bagi saya mengulas kesemua pandangan-pandangan tersebut satu persatu.

Seharian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

5.32 ptg.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan jawapan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan beberapa teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai tanggungjawab Kementerian ini sepanjang perbincangan dasar mengenai Belanjawan 1981.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dalam ucapannya menegur bahawa Majlis-majlis Tempatan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah tidak mengambil tindakan yang tegas dari segi mengawasi iklan-iklan yang dipasang sehingga menyebabkan Bandaraya Kuala Lumpur seolah-olah kelihatan seperti Hongkong dan iklan-iklan ini boleh menghilangkan identiti Malaysia yang sebenarnya. Berhubung dengan teguran ini sukalah saya menegaskan bahawa pada masa ini kawalan iklan di Kuala Lumpur adalah mengikut Undang-undang Kecil (Iklan) Kuala Lumpur, 1954 yang mana kurang sesuai lagi dengan keadaan dan kehendak sekarang.

Undang-undang Kecil (Iklan) Kuala Lumpur, 1954 itu sedang disemak untuk memasukkan syarat-syarat pemakaian Bahasa Malaysia dan lain-lain lagi. Apabila Undang-undang Kecil (Iklan) Kuala Lumpur yang baru dikuatkuasakan nanti maka kawalan terhadap iklan-iklan khasnya mengenai pemakaian Bahasa Kebangsaan akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pula telah membuat cadangan-cadangan yang memventuhkan mengenai masalah penjaja-peniaja dan industri-industri kecil khasnya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara lain beliau telah menggesa supaya Kerajaan memperuntukkan lebih banyak lagi gerai-gerai dan ruang-ruang untuk penjaja di samping menggesa pihak Bandaraya mempermudah lagi dasar mengenai pelesenan kepada peniaga-peniaja kecil Kuala Lumpur.

Sukalah saya menegaskan bahawa adalah menjadi dasar dan objektif Kementerian untuk menambah, menggalak dan meningkatkan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dengan mengadakan lebih banyak gerai-gerai dan tempat-tempat perniagaan. Ini jelas dapat dilihat daripada pertambahan penjaja dan peniaga kecil yang berlesen dari 5,415 pada tahun 1970 kepada 14,352 pada tahun 1979, iaitu hampir-hampir tiga kali ganda. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama pemberian lesen boleh juga dikawal supaya tidak bercanggah dengan objektif-objektif dan kepentingan-kepentingan lain di Bandaraya seperti kebersihan, keindahan, pelancaran lalu-lintas dan sebagainya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengrusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut supaya Kerajaan melantik Wakil-wakil Rakyat duduk dalam Jawatankuasa Penyiasat Penjaja di Bandaraya, Kerajaan merasakan perkara ini tidak perlu dilakukan kerana Dewan Bandaraya sendiri boleh berhubung terus dengan Persatuan-persatuan Penjaja atau penjaja-penjaja sendiri bagi menasihati kedudukan mereka.

Atas cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Dewan Bandaraya melicinkan lagi jentera memproses pemberian lesen, patutlah ditegaskan di sini bahawa perkara tersebut memang dilakukan dan Dewan Bandaraya berusaha untuk mengurangkan "red tape" dalam proses pemberian lesen itu. Misalnya peraturan-peraturan merujuk kepada sesuatu permohonan kepada beberapa jabatan berkenaan untuk ulasan-ulasan mereka telah dihentikan dan gantinya diadakan sistem Jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil Unit Pelesenan dan Penjaja Dewan Bandaraya, Jabatan Perancangan, Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya, Jabatan Akitek Dewan Bandaraya dan Jabatan Bomba Wilayah Persekutuan bagi menimbangkan sesuatu permohonan. Sistem baru ini lebih cepat dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu supaya Kerajaan mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan

industri kecil di Kuala Lumpur, sukalah dinyatakan di sini bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk mengadakan lebih banyak kawasan-kawasan industri kecil tersebut di Kuala Lumpur di bawah Rancangan Malaysia Keempat nanti khususnya bagi memberi peluang kepada penyertaan bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Contohnya ialah Komplek Industri Kecil di Sungai Besi, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, di Kampung Konggo, di Mukim Petaling dan di Batu 4 Jalan Sungai Besi. Kemungkinan juga akan diadakan bengkel-bengkel di kawasan-kawasan yang sesuai berhampiran lebuhraya dan jalan-jalan utama di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai tanggungjawab Kementerian saya sepanjang perbincangan mengenai Belanjawan 1981 ini. Saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan teguran yang telah diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

5.37 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab dan memberi ulasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Belanjawan ini yang menyentuh aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian saya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang membangkitkan perkara pekerja-pekerja terutama sekali mereka yang digaji oleh sub-kontraktor-sub-kontraktor yang menurut beliau, tidak diinsurankan. Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, 1952, tiap-tiap majikan tidak kira sama ada ia seorang "Principal Contractor" atau Sub-Contractor adalah diwajibkan mengambil insurans terhadap apa-apa juga "liability" yang mungkin dibayar kepada mana-mana pekerja yang digajinya, terhadap apa-apa juga bencana yang berlaku, seperti yang diperuntukkan di bawah Ordinan

tersebut. Mana-mana majikan yang gagal untuk menginsurankan diri di bawah perundangan Ordinan ini adalah salah di sisi undang-undang dan boleh didakwa di Mahkamah.

Di sini ingin juga saya menjelaskan bahawa untuk membiayai kos insurans dari segi "liability" untuk membayar pampasan kepada pekerja-pekerjanya, pihak majikan tidak dibenarkan membuat apa-apa potongan dari pendapatan pekerja-pekerja. Perbuatan ini adalah juga salah di sisi undang-undang dan majikan yang didapati berbuat demikian boleh didakwa.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pekerja-pekerja yang terlibat supaya melaporkan kepada Pejabat Buruh yang berkaitan dalam masa 6 bulan dari tarikh kemalangan itu berlaku supaya siasatan dan lain-lain tindakan susutan dijalankan oleh Jabatan berkenaan. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu sendiri mempunyai kes-kes yang spesifik, beliau bolehlah berhubung dengan Kementerian saya supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda dan juga Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan soal kekurangan tenaga kerja mahir yang banyak diperlukan oleh negara. Mengikut data-data yang dipolehi adalah dianggarkan bahawa 520,000 peluang-peluang pekerjaan dalam bidang ini akan dapat diwujudkan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, sedangkan pihak Kerajaan melalui agensi-agensi latihannya hanya mampu mengeluarkan 20,000 orang pekerja-pekerja mahir dalam setahun.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam Ucapan Belanjawan baru-baru ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengemukakan satu rancangan untuk menambahkan lagi bilangan pekerja-pekerja mahir terutama sekali di dalam perusahaan pembinaan dengan secara menghantar pekerja-pekerja berlatih sambil bekerja dengan kontraktor-kontraktor pembinaan, selama tiga bulan. Buat masa ini perundingan sedang dijalankan di antara Kementerian saya dan pihak Perberdaharaan dan juga Master Builders Association, supaya Rancangan ini dapat dijalankan dengan teratur pada bulan hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menyentuh soal penghijrahan pekerja dari luar bandar ke bandar yang menurutnya telah menjajikan perusahaan ladang terutama sekali di ladang-ladang getah dan kelapa sawit.

Kerajaan adalah sedar bahawa syarat-syarat pekerjaan serta taraf hidup yang serba kekurangan di ladang-ladang mungkin menjadi salah satu dari beberapa faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan seperti ini. Persaingan untuk mendapatkan pekerja-pekerja dari lain-lain sektor perusahaan di tahun-tahun kebelakangan ini, termasuk peluang-peluang menyertai Rancangan Tanah FELDA, FELCRA, adalah merupakan tarikan yang kuat di kalangan pekerja-pekerja muda.

Kementerian saya telah membuat usaha-usaha yang intensif untuk memperbaiki lagi suasana kehidupan dan pekerjaan di ladang-ladang melalui penguatkuasaan Undang-undang Buruh dengan lebih ketat lagi. Perhatian besar adalah ditumpukan kepada kemudahan perumahan yang lebih baik, bekalan air paip dan api ke rumah-rumah tersebut dan lain-lain kemudahan sosial dan masyarakat di ladang-ladang. Kita juga sedang menialankan dengan lancarnya skim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang yang kita harap akan menjadi satu daya penarik kepada mereka untuk bekerja di ladang-ladang.

Pihak Pengurusan Ladang-ladang, terutama sekali yang menghadapi kekurangan pekerja ini, perlulah menyambut baik langkah-langkah yang dibuat ini untuk faedah jangka panjang mereka sendiri. Kementerian saya sedang memberi perhatian yang serius mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu Kementerian saya sekarang sedang mengkaji semula Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja 1966, untuk mengemaskinikan piawaian perumahan di ladang-ladang. Perhatian adalah d'beri kepada memvcek semula perlindungan yang d'beri di bawah Akta tersebut kepada rumah-rumah yang dibina sebelum 1966, sama ada mereka masih lagi dalam keadaan yang memuaskan dari segi kesihatan. Banyak rumah-rumah ini adalah terlalu kecil dan tidak mempunyai ruang yang cukup dari segi hasrat dan

kehendak keluarga-keluarga pekerja. Rumah-rumah ini hanya boleh dirobuhkan atas arahan oleh Jurutera JKR yang berpandukan dari segi "structure" rumah-rumah tersebut dan dari segi kesihatan. Dengan langkah-langkah meminda Akta itu adalah diharapkan bahawa keadaan yang lebih memuaskan dan menarik dapat diwujudkan di ladang-ladang.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian saya. Mana-mana perkara yang tidak dapat saya jawab atau mengulas, akan tetap diambil perhatian oleh Kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah meminta saya supaya jawapannya diberi pada hari esok. Sekarang saya temput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyampaikan jawapannya.

5.45 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan yang telah diadakan semenjak 22hb Oktober yang lalu khasnya mereka yang telah memberi pandangan, teguran, aduan dan lain-lainnya mengenai Kementerian saya. Minat serta perhatian yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah wajar serta kena pada tempatnya memandangkan beberapa faktor di antaranya adalah seperti berikut.

Pertama, pertahanan negara adalah sangat penting bagi kestabilan negara kita sama ada dari segi politik, agama, sosio-ekonomi dan lain-lain.

Kedua, semenjak tahun 1979 hingga tahun 1983 beberapa program dan projek angkatan tentera telah, sedang dan akan dilaksanakan di dalam rancangan pembangunan istimewa angkatan tentera.

Ketiga, bagi tahun 1981 sahaja anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan sama ada bagi pengurusan ataupun pembangunan berjumlah sebanyak \$3,688,000

iaitu merupakan 15.98% daripada jumlah anggaran bagi tahun 1981 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober yang lalu.

Namun demikian, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu oleh kerana ini akan mengambil masa yang agak panjang dan juga ada di antara perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah terlalu umum dan kurang jelas untuk saya menjawabnya. Memadailah sekiranya saya menjawab beberapa perkara yang penting sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menyentuh mengenai keselamatan negara berikutan dengan pergolakan politik di Tenggara Asia dewasa ini. Beliau telah mengesyorkan supaya tentera darat dilengkapi dengan tank-tank dan angkatan tentera pada keseluruhannya menubuhkan pasukan simpanan yang besar supaya anggota simpanan itu sama banyaknya dengan angkatan tentera tetap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian saya sedang membuat satu kajian yang mendalam bersabit dengan pembekalan tank-tank kepada angkatan tentera darat. Kajian ini meliputi aspek-aspek seperti jenis dan bilangan tank-tank yang sesuai bagi keperluan negara.

Berhubung dengan pasukan simpanan pula, satu penyusunan semula Pasukan Pertahanan Tempatan atau lebih dikenali sebagai Local Defence Corps sedang dibuat untuk mewujudkan satu pasukan simpanan yang cekap terlatih lagi bermakna. Anggota-anggota simpanan ini adalah dilatih seperti anggota tetap. Pembesaran pasukan simpanan dibuat untuk mencapai nisbah tiga anggota simpanan bagi tiap-tiap satu anggota tentera tetap walaupun ada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Gerik untuk menjadikan nisbah ini empat satu. Pencapaian matlamat nisbah satu anggota simpanan bagi tiap-tiap satu anggota tetap diharap akan tercapai pada akhir tahun 1983 dan Kementerian saya menerima sesiapa sahaja yang layak memasuki simpanan ini terutama sekali pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah mengesyorkan supaya elaun-elaun yang dibayar kepada Askar Wataniah dinaikkan lagi. Dalam hubungan ini sukacita saya memaklumkan bahawa elaun-elaun bagi Askar Wataniah dan lain-lain pasukan sukarelawan sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan. Pada bulan Julai 1977, elaun-elaun bagi Angkatan Tentera pada keseluruhannya telah dikaji dan perakuan telah dibuat seperti terkandung dalam Laporan jawatankuasa Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Laporan tersebut telah memperakukan supaya elaun-elaun bagi Askar Wataniah juga ditambah. Perakuan dalam Laporan ini telah diterima oleh Kerajaan dan telahpun dilaksanakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu lagi, Kementerian saya sentiasa mengkaji akan kedudukan elaun-elaun itu dan berusaha memperbaikinya jika keadaan memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penambahan anggota-anggota wanita dalam perkhidmatan tentera seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, bolehlah diperkatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh wanita dalam angkatan tentera adalah memuaskan sungguhpun tugas-tugas yang boleh diberikan kepada mereka adalah terhad oleh sebab-sebab yang tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah mempersetujui supaya sebanyak 4% daripada jumlah kekuatan angkatan tentera diisikan oleh kaum wanita. Selanjutnya angkatan tentera pada masa ini buat pertama kalinya sedang melatih bakal-bakal pegawai wanita untuk tauliah jangka pendek dan tetap. Anggota-anggota wanita ini juga dilatih dengan berbagai taktik peperangan dalam siri latihan Gonzales yang telah dan akan dijalankan.

Menyentuh mengenai latihan bersama melibatkan Angkatan Tentera, Polis Hutan, Askar Wataniah dan RELA sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, sukacita saya menyatakan bahawa buat masa ini latihan bersama di antara Askar Wataniah dan Angkatan Tentera diadakan dari semasa ke semasa, tidak termasuk Polis Hutan. Namun demikian, Kementerian saya ada cadangan untuk melibatkan Polis Hutan dalam latihan-latihan tersebut di masa-masa yang akan datang. Malahan ketiga-tiga pasukan ini sering kali mengadakan operasi-operasi bersama di tempat-tempat yang tertentu. Pada

masa ini sebahagian daripada anggota Askar Wataniah kita telahpun dikerahkan untuk tugas-tugas yang biasanya dijalankan oleh tentera tetap.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Tanah Merah telah menyentuh perkara-perkara yang melibatkan TUDM. Mereka telah mengesyorkan supaya jet-jet Tebuan diberhentikan perkhidmatannya dengan serta-merta dan tidak perlu dilanjutkan penggunaannya hingga tahun 1984. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu TUDM masih memerlukan jet-jet Tebuan ini untuk kegunaan latihan penerbangan hingga ke tahun 1984 apabila pesawat ini akan digantikan dengan pesawat lain. Rancangan penggantian pesawat ini memerlukan kajian yang mendalam serta latihan yang agak lama supaya mencapai status operasi yang bermutu. Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa jet-jet Tebuan ini adalah masih dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan oleh Angkatan Tentera Udara kita. Kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah atas kesilapan juruterbang-juruterbangnya sendiri. Walau bagaimanapun, satu siasatan yang mendalam sedang dijalankan oleh pihak TUDM, akan tetapi buat sementara ini tidaklah dapat saya menghantar jet-jet Tebuan ke muzium-muzium yang mungkin akan diadakan di Tanah Merah, Sungai Petani dan lain-lain tempat.

Menyentuh mengenai Muzium Angkatan Tentera ini, seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian saya memang ada rancangan untuk menubuhkan muzium tersebut tetapi oleh sebab yang tertentu terutama dari segi keutamaan-keutamaan yang lain pelaksanaannya belum lagi dapat dimulakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Gerik telah juga mencadangkan supaya Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara diperbesarkan dan markas-markas dilipatgandakan lagi. Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara ini sedang dilaksanakan dan akan mengambil masa yang panjang kerana latihan asas dan pembelian alat-alat perlu dikaji dengan teliti untuk membolehkan angkatan tentera kita menjalankan tugas-tugas mereka demi kepentingan pertahanan dan kedaulatan negara.

Mengenai syor Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, Ulu Trengganu dan Tuaran yang agak sama iaitu supaya kapal-kapal TLDM ditambah dan dilengkapi dengan alat-alat sophisticated, sukalah saya menyatakan bahawa TLDM sedang dan akan terus membuat rancangan pembaharuan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat dengan membeli lebih banyak kapal-kapal yang moden dan sophisticated untuk mempertahankan kawasan perairan kita dan seterusnya membantu kapal-kapal yang menjalankan operasi dalam perairan Malaysia. Kapal-kapal yang lama yang sedang digunakan sekarang akan diganti dan diubahsuai dengan alat-alat yang moden. Untuk makluman Dewan yang mulia ini TLDM sedang membuat persiapan untuk membeli 4 buah kapal Corvette, 4 buah Mine Counter Vessels dan sebuah kapal bantu. TLDM juga sedang membesarkan sebahagian hydrographynya dalam alat-alat yang moden. Sejarar dengan pembelian kapal-kapal ini TLDM juga sedang membuat pembesaran dan permodenan kepada pengkalan-pengkalan tentera laut serta menambahkan anggota-anggota TLDM bagi mengendalikan kapal-kapal ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Ulu Trengganu supaya latihan ketenteraan di antara kelima-lima negara ASEAN diadakan, sukacitalah saya mengulangi kenyataan yang pernah dibuat dalam Dewan yang mulia ini bahawa ASEAN bukanlah merupakan satu pasukan atau pakatan tentera. ASEAN telah ditubuhkan dengan berasaskan kepada hasrat 5 negara anggota untuk mencapai pembangunan serantau dalam suasana kebebasan, keamanan dan berkecuali. Kita masih bercadang untuk mengadakan latihan ketenteraan antara kelima-lima negara anggota, walau bagaimanapun Kerajaan telah mengadakan perjanjian dua hala (bilateral) antara Malaysia dengan Indonesia dan Malaysia dengan Negeri Thai dan latihan bersama tentera sering kali diadakan dengan negara-negara tersebut untuk menambahkan lagi mutu kecekapan di dalam pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah juga mencadangkan supaya negara-negara ASEAN menyeragamkan alat-alat pertahanan yang digunakan oleh Angkatan Tentera demi kepentingan bantu-membantu. Di sini suka saya mengingatkan sekali lagi

bahawa ASEAN bukanlah merupakan satu pakatan tentera dan di samping itu keadaan dan keperluan kelengkapan bagi tiap-tiap satu negara itu adalah berlainan, oleh itu cadangan ini tidaklah dapat dipraktikkan.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah menyentuh agar kem-kem tentera tidak disesapi oleh pengaruh-pengaruh dakwah song-sang. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berhati-hati tentang pengaruh-pengaruh dakwah song-sang yang berselindung di balik jubah. Setakat ini pengaruh-pengaruh seperti itu belum lagi kedapatan di kem-kem tentera dan selain daripada guru-guru agama yang ada di kem-kem ini, Pegawai-pegawai Kanan Tentera telah juga diarahkan untuk mengawasi keadaan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan satu kes di mana Syarikat Jaza dari Johor telah diminta membuat pembekalan 20,000 tin kari ayam dalam tempoh satu minggu. Mengikut kenyataan Ahli Yang Berhormat itu di atas kegagalan syarikat tersebut membuat pembekalan itu Kementerian Pertahanan telah berunding dan mendapatkan bekalan tersebut daripada pembekal lain yang mana mutu makanan dan kebersihannya kurang dipastikan. Ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan tidak pernah meminta Syarikat Jaza membekalkan kari ayam sebanyak 20,000 tin itu dalam tempoh satu minggu tetapi ada meminta beliau mengemukakan sebutharga mendapatkan stok sebanyak 70,000 tin dengan seberapa segera yang boleh atas sebab-sebab tertentu. Jika Ahli Yang Berhormat itu ada butir-butir lanjut yang lebih spesifik saya sedia mengkaji perkara ini selanjutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Julau telah mendakwa ramainya anggota-anggota Angkatan Tentera dari Sarawak tidak berminat menyambung perkhidmatan mereka disebabkan kesukaran pulang kenaikan pangkat dan adanya diskriminasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera bergantung kepada kekosongan, kekananan (seniority), kelulusan ketenteraan, daya kepimpinan dan kebolehan individu dan bukannya berdasar kepada kedaerahan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah memberitahu tentang satu kejadian di mana majlis untuk menyambut ulangtahun Angkatan

Tentera di sebuah dewan telah menyebabkan permohonan bagi kegunaan dewan yang sama oleh ABIM ditolak. Dalam hubungan ini keputusan meluluskan atau menolak sesuatu permohonan itu terletak di tangan pihak yang berkuasa di tempat yang berkenaan dan tidak kena-mengena dengan Kementerian saya. Saya hairan mengapa Ahli Yang Berhormat itu membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kesemua pembelian yang diperbuat oleh Kementerian saya adalah mengikut dasar dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, termasuk pembelian kapal-terbang, senjata, peluru dan lain-lain kelengkapan. Segala bil pembayaran dan penerimaan adalah direkodkan dan tertakluk kepada pengoditan. Oleh yang demikian dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Baling mengenai pembelian senjata dan peluru bernilai \$3 juta dengan tidak mengikut peraturan adalah tidak benar. Jika rancangan pembelian yang dimaksudkan itu adalah pembelian peluru bagi senapang jenis M-16, ini merupakan pembelian khas di bawah Rancangan Pembangunan Istimewa Angkatan Tentera yang juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini TLDM menempatkan 5 buah kapal peronda di perairan Sabah dan Sarawak yang antara lain menyekat kedatangan pendatang-pendatang haram ke Malaysia. Tugas-tugas ini agak rumit kerana kita mempunyai sempadan perairan yang sama dengan Filipina, tambahan pula adanya pedagang-pedagang Filipina yang berniaga ke Sabah. TLDM menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan kepada mereka ini apabila mereka memasuki perairan Malaysia dan pada pendapat saya ini adalah mencukupi dan tidak perlu ditambah sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu.

Berhubung dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan bahawa Kerajaan membeza-bezakan agama, kaum dan sebagainya dalam Angkatan Tentera yang mengakibatkan rakyat tidak puas hati, saya ingin menafikan dengan sekeras-kerasnya bahawa Kerajaan tidak pernah berbuat demikian. Kalau Kerajaan berbuat demikian mungkin Yang Berhormat itu dan Ahli-ahli Pembangkang yang lain tidak ada dalam Dewan yang mulia ini. Seperti

biasa seorang pun daripada mereka tidak ada dalam Dewan apabila jawapan-jawapan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan saya ini izinkan saya menegaskan sekali lagi bahawa pada tahun 1981 Kementerian Pertahanan akan melaksanakan rancangan perkembangan dan pembesaran ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera kita, oleh hal yang demikian peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 1981 perlulah ditambah dari tahun 1980. Nisbah tambahan yang dimaksudkan itu ialah berlebihan sekadar 17.5% bagi Anggaran Mengurus dan 31% bagi Anggaran Pembangunan daripada peruntukan tahun lalu.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberi pandangan, teguran dan aduan mengenai Kementerian Pertahanan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya akan terus bersedia menerima pandangan, teguran dan aduan-aduan yang membina pada bila-bila masa sahaja demi kebaikan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera pada keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri.

6.09 ptg.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat masing-masing terhadap hal ehwal luar negeri amnya dan terhadap Kementerian Luar Negeri khususnya. Saya akan menyentuh sedikit-sebanyak mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang perbahasan Belanjawan di Dewan yang mulia ini. Saya cuba menjawabnya setakat mana yang boleh teguran-teguran yang dibuatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Untuk menjawab teguran dari Yang Berhormat Wakil dari Baling tentang adanya kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran awam di beberapa perwakilan Malaysia seberang laut, ingin saya menegaskan bahawa

Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan untuk mewujudkan satu bentuk kawalan kewangan yang rapi dan kemas. Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang sering berbangkit akibat dari masalah-masalah tempatan, perwakilan-perwakilan kita di seberang laut sentiasa didaraskan dengan keterangan-keterangan yang lengkap dalam mengatasi masalah-masalah di samping mengadakan taklimat-taklimat dan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang bertugas di perwakilan-perwakilan kita dengan kerjasama pihak-pihak INTAN dan Kementerian Kewangan. Di samping itu, Pasukan Naziran di Kementerian saya sering juga melalui perwakilan-perwakilan seberang laut dari masa ke semasa untuk meninjau masalah yang dihadapi mereka sambil meneliti keperluan mereka.

Tentang apa yang dikatakan terdapatnya kelemahan dalam kawalan kewangan perwakilan kita di Cairo sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa ada masalah berbangkit dalam pengurusan pembayaran biasiswa kepada pelajar-pelajar kita di sana yang dari masa ke semasa bertambah ramai dan telah menyebabkan masalah ini kian rumit.

Perwakilan kita di Cairo ditugaskan membuat pembayaran biasiswa dari Imprest bagi pihak semua agensi yang membiayai pengajian pelajar-pelajar kita di Cairo. Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengatasi masalah tersebut. Kementerian Luar Negeri sentiasa berusaha untuk meninggikan mutu kawalan kewangan dan seterusnya meningkatkan prestasi kerja semua pegawai kita yang bertugas di perwakilan-perwakilan kita di seberang laut.

Mengenai persoalan yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling yang menyatakan kononnya:

- (a) pendirian Malaysia dalam masalah Kampuchea dan masalah antarabangsa tidak meyakinkan dan tidak kukuh; dan
- (b) dasar luar Malaysia terlalu dipengaruhi dan terikat dengan ASEAN dan Singapura serta pandangan yang mementingkan masa depan Singapura dari masa depan kita sendiri.

Dalam hubungan ini, sukaiah saya tegas-kan di Dewan yang mulia ini pendirian Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dalam masalah Kampuchea adalah tegas. Kita mahukan masalah Kampuchea diselesaikan dengan cara yang aman dan satu-satunya jalan penyelesaian yang aman ialah menyelesaikan masalah tersebut melalui luns-lunas politik. Tujuan kita sebaliknya menyelesaikan masalah Kampuchea melalui luns-lunas politik ialah supaya persengketaan Kampuchea itu tidak merebak ke negara-negara jiran dan seterusnya ke negara-negara ASEAN yang lain demi untuk menjamin keamanan dan ketenteraman rantau Asia Tenggara ini.

Ahli Yang Berhormat pun tentulah sedar bahawa dasar kita yang saya sebutkan itu adalah suatu dasar yang tetap dan sesuai pula dengan kons.p ZOPFAN yang kita idam-idamkan. Konsep ZOPFAN yang dipelopori oleh kelima-lima negara ASEAN itu telahpun mendapat sokongan kebanyakan negara. Atas luns-lunas ZOPFAN inilah ASEAN telah mengemukakan dua resolusi di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai persengketaan di Kampuchea dan kedua-dua resolusi tersebut mendapat sokongan suara terbanyak di Bangsa-bangsa Bersatu. Ini membuktikan dasar luar kita yang cintakan perdamaian sangat dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Mengenai masalah pengiktirafan tauliah Kerajaan Demokratik Kampuchea oleh Malaysia dan ASEAN bukanlah bermakna kita menyokong dasar-dasar dalam negeri atau mahukan Pol Pot kembali memerintah Kampuchea. Tetapi adalah disebabkan Kerajaan Demokratik Kampuchea merupakan Kerajaan yang sah mengikut undang-undang sebelum ianya digulingkan oleh tentera-tentera Vietnam pada awal bulan Januari, 1979. Sebaliknya jika kita mengiktirafkan Rejim Heng Samrin bermakna kita menyetujui pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea itu iaitu sebuah negara merdeka dan berdaulat. Tindakan Vietnam itu adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Hal yang sama juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit dan sukaiah juga saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa masalah meneruskan pengiktirafan tauliah Kampuchea di Bangsa-bangsa

Bersatu yang diusahakan oleh negara-negara ASEAN dan ditentang oleh Vietnam dan sekutunya baru-baru ini telah diakhiri dengan kejayaan oleh pihak ASEAN dengan suara terbanyak melebihi undi tahun lalu iaitu 74 undi menyokong, 35 undi menentang dan 32 undi berkecuali. Ini sekali lagi memouktikan bahawa usaha-usaha ASEAN sentiasa mendapat perhatian dan sokongan masyarakat dunia antarabangsa.

Mengenai perkara yang kedua dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukaiah juga saya jelaskan sekali lagi bahawa pendirian kita mengenai Kampuchea ini adalah suatu keputusan yang telah dipersetujui bersama oleh negara-negara ASEAN demi untuk menjaga kepentingan bersama iaitu supaya persengketaan di Kampuchea ini tidak merebak ke negara-negara jiran dan seterusnya dapat diselesaikan secara aman, keselamatan ke semua negara anggota dapat terjamin. Dengan penjelasan ini dapatlah disimpulkan bahawa pandangan Malaysia mengenai Kampuchea bukanlah dipengaruhi oleh mana-mana negara anggota ASEAN tetapi adalah atas kesedaran masing-masing demi untuk menjamin keselamatan rantau ini di masa hadapan. Ini adalah secukup dengan kepentingan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa teguran telah juga dibuat oleh Ahli Yang Berhormat mengenai masalah-masalah pelajar dan penyebaran bahan-bahan penerangan di luar negeri. Ingin saya menyatakan di sini bahawa perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut sentiasa terbuka kepada sesiapa pun termasuklah penuntut-penuntut dan rakyat Malaysia yang lain dan perwakilan-perwakilan tersebut memainkan peranan untuk memberikan bantuan dengan seberapa yang boleh sekiranya perlu. Saya berharap bahawa penuntut-penuntut khususnya tidak segan mendampingi pegawai-pegawai kita dari masa ke semasa. Kementerian saya juga sentiasa menerima baik cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Semerah telahpun mencadangkan supaya Kerajaan melantik wanita sebagai duta. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengambilan ke dalam perkhidmatan luar negeri

adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum ataupun jantina. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap calon-calon wanita yang sesuai.

Sebagai menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Semerah, Kerajaan telahpun menghantarkan dari masa ke semasa Ahli Parlimen kita pergi menghadiri barbagai-bagai mesyuarat dan persidangan-persidangan antarabangsa di luar negeri. Sebagai contoh pada tiap-tiap tahun Kementerian saya dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri telahpun menghantar empat orang Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara bagi menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu Yang Ke-35 sedang berlangsung sekarang ini di New York seramai dua orang Ahli Dewan Rakyat dan dua orang Ahli Dewan Negara telah dihantarkan bagi menghadiri persidangan tersebut.

Begitu juga dalam Persidangan-persidangan Antarabangsa yang lain seperti Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam, Persidangan Bersatu Ahli Parlimen Commonwealth (CPA), Pertubuhan Antara Ahli-ahli Parlimen ASEAN (AIPO), Persidangan Antara Ahli-ahli Parlimen Sedunia, Ahli ahli Parlimen Sedunia, Ahli Parlimen dari Malaysia telah dihantar menghadiri persidangan-persidangan tersebut. Adalah menjadi satu amalan biasa bagi Kementerian saya memberikan taklimat-taklimat ataupun penerangan-penerangan yang berkaitan lebih awal kepada delegasi-delegasi dari Malaysia yang akan menghadiri satu-satu persidangan di luar negeri. Begitu juga mereka dibekalkan dengan laporan-laporan atau brief yang berkaitan sebelum berangkat menghadiri sesuatu mesyuarat persidangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab teguran Yang Berhormat dari Bachok, ketutamaan yang kita berikan kepada hubungan luar kita berasaskan kepada kepentingan negara kita. Di dalam hal ini tidak bolehlah dinafikan bahawa kita memang mengadakan hubungan baik dan erat dengan negara-negara Islam. Juga tidaklah boleh dinafikan bahawa Malaysia telahpun memainkan peranan utama bagi mengadakan persidangan

kemuncak yang pertama sekali antara negara-negara Islam di Rabat, Morocco dalam tahun 1969 dan seterusnya dalam usaha memperkukuhkan solidarity Islam melalui Persidangan Negara-negara Islam dan Secretariat Islam. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Setiausaha Agung Pertama Secretariat Islam ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang mana membuktikan penghargaan negara-negara Islam terhadap Malaysia. Lagi pun lawatan Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri dan saya sendiri ke negara-negara Islam pada masa-masa yang lepas dan lawatan pemimpin-pemimpin negara Islam yang lain ke negara kita seperti lawatan Amir Kuwait baru-baru ini membuktikan bahawa kita sentiasa memelihara dan memupuk dan meningkatkan lagi perhubungan kita dengan negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, Kapit dan Yang Berhormat yang lain yang bangun menyuarakan sokongan mereka kepada usaha-usaha Kerajaan dalam hal ehwal luar negeri. Kementerian saya sentiasa berwaspada terhadap ancaman-ancaman kepada negara ini dan akan mengambil tindakan yang sesuai apabila perlu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan kita bercadang mengadakan konsultasi dari semasa ke semasa dengan ketua-ketua perwakilan di luar negeri supaya mereka boleh dimaklumkan tentang keadaan dan dasar-dasar semasa Kerajaan di samping memberikan kesempatan untuk mereka memberikan pandangan kepada Kerajaan supaya dasar-dasar yang sedia ada dapat diperkemas lagi dan menjadikan lebih berkesan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab.

6.23 ptg.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbahasan atas Rang Undang-undang

Perbekalan 1981. Saya telah mengambil perhatian atas pandangan-pandangan itu dan di mana perlu dan wajar, akan mengambil tindakan atasnya.

Ahli Yang Berhormat dari Sarikei telah meminta Kementerian Kesihatan memperbesar Hospital Sibul. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sebuah wad baru sebuah Unit Rawatan Rapi (Intensive Care Unit) telah siap dibina pada bulan Ogos, 1979. Pada masa ini, sebuah wad wanita serta bersalin dan nursery untuk bayi sedang dibina.

Berkaitan dengan Daerah Binatang, sebuah Pusat Kesihatan yang telah diubahsuai pada tahun 1975 akan dilengkapi dengan kemudahan X-Ray. Kami juga bercadang untuk membina sebuah Klinik Desa bagi Skim Binatang Meradong. Yang Berhormat dari Bukit Mas juga meminta supaya banyak lagi hospital didirikan di Sarawak. Mengikuti dasar Kementerian supaya meninggikan taraf kesihatan rakyat, 3 buah hospital baru telah siap dibina di Serian, Limbang dan Saratok. Tawaran untuk membina sebuah hospital baru di Kanowit telah siap diuruskan. Tindakan sedang diambil untuk memiliki tanah berkenaan untuk membina sebuah hospital baru di Sibul. Cadangan-cadangan untuk membina 4 buah hospital baru di Sarawak juga telah dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, tertakluk kepada persetujuan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan masalah tentang pengambilan jururawat. Suka saya menegaskan bahawa semua permohonan untuk jawatan-jawatan jururawat dan pembantu hospital yang telah diiklankan yang mematuhi peraturan-peraturan permohonan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, kekosongan bagi kedua-dua jawatan tersebut tidak begitu luas pada masa ini oleh kerana kami telah berjaya untuk melatih jururawat-jururawat di Sekolah-sekolah Latihan Kementerian sendiri.

Berkaitan dengan teguran mengenai kekurangan ubat di Hospital Keningau, sukacita saya memaklumkan bahawa berjenis-jenis ubat adalah disediakan dengan mencukupi, yang seimbang dengan perkhidmatan rawatan yang didapati di hospital-hospital. Di antaranya mungkin terdapat kekurangan satu-satu jenis ubat yang tertentu yang disebabkan

oleh masalah-masalah logistik sementara, yang mana kadangkala tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, dasar Kementerian ialah untuk memastikan bekalan ubat-ubatan yang mencukupi dibekalkan kepada hospital-hospital.

Saya berterima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar mengenai masalah kemungkinan kemerosotan Kesihatan akibat kekurangan air di Bintulu. Setakat ini, tiada apa-apa penyakit yang merebak dari air (water-borne diseases) telah dikesan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa menjalankan ujian (monitor) atas masalah ini, demi untuk menjaga kesihatan penduduk-penduduk.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan juga telah menyentuh mengenai masalah penyakit Malaria di Sabah. Aktiviti-aktiviti kawalan Malaria telah lama berjalan di Sabah dan semenjak tahun 1971, satu rancangan kawalan telah dilaksanakan, termasuk semburan ubat serangga, mengesan dan mengubat kes (case detection and treatment) dan kajian khas.

Pengesahan kes melalui pemeriksaan darah di kalangan penduduk telah dijalankan dan kadar slide darah yang positif untuk Malaria telah turun dalam tahun-tahun kebelakangan. Kes-kes Malaria yang dirawat di hospital dan dispensari telah turun dari 54,987 kes dalam tahun 1977 ke 48,597 kes dalam tahun 1979. Tanda-tanda ini menunjukkan kebaikan kawalan ini. Rancangan Kawalan Malaria akan diteruskan di Sabah sehingga Malaria bukan lagi menjadi satu masalah kesihatan umum.

Saya sedar akan masalah kekurangan doktor di Sandakan dan doktor-doktor pakar di Sabah pada keseluruhannya. Kekurangan ini bukan sahaja terdapat di kawasan Sandakan malah ianya menggambarkan kedudukan pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah mengemukakan teguran yang menyatakan bahawa terdapat kurang daripada 50% jawatan di hospital-hospital di Sabah dan Sarawak. Sukacita saya memaklumkan bahawa anggaran itu adalah tidak berapa tetap. Angka peratus yang sebenarnya ialah 69% bagi negeri Sabah dan 73% bagi Sarawak. Angka ini adalah membayangkan keadaan yang hampir sama dengan negeri-negeri yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membuat teguran tentang projek-projek kesihatan di Alor Star. Sukacita saya menerangkan bahawa projek untuk menambah dan memperbaiki wad di Hospital Besar Alor Star ialah sebuah belok wad 4 tingkat yang telah siap 97% pada setakat ini dan unit Kesihatan Pesakit Otak telah siap 10% pada tahun ini dan Wad Di Raja dan Bilik Khas yang telah siap lebih kurang 97% pada setakat ini. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga pembelian tanah bagi Hospital Daerah Jitra telah diluluskan dan urusan pembeliannya telah siap.

Walaupun beberapa orang doktor-doktor dan doktor-doktor pakar dengan alasan-alasan mereka sendiri tidak mungkin dapat dihalang dari meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, namun begitu saya telahpun berjaya memperolehi persetujuan Kerajaan untuk menaikkan taraf bilangan yang agak besar jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kesihatan ini mulai 1hb Julai, 1980. Bersama-sama dengan kenaikan gaji untuk perkhidmatan awam baru-baru ini, pencen yang lebih baik dan berbagai-bagai kemudahan lagi, prospek pekerjaan yang lebih cerah untuk perkhidmatan kesihatan keseluruhannya telahpun dapat diadakan sekarang. Salah satu daripada rasa tidak puas hati yang utama pada masa-masa yang lalu ialah mengenai kurangnya peluang-peluang kenaikan pangkat.

Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mungkin ingin tahu bahawa enam jawatan Tingkatan Tertinggi yang baru telahpun diwujudkan sekarang. 46 jawatan yang lain telahpun dinaikkan tarafnya untuk pegawai-pegawai perubatan yang bertugas sebagai Pegawai-pegawai Pentadbir Perubatan. Kenaikan taraf ini termasuklah dari jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi yang Kanan hingga ke Turus III. Ketua Pengarah Kesihatan, selaku ketua bagi perkhidmatan-perkhidmatan profesional ini, dahulunya dalam jawatan Tingkatan Tertinggi "A" telahpun dinaikkan tarafnya ke Turus III sekarang. Satu jawatan baru untuk Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dengan jawatan Tertinggi "A" telahpun diwujudkan. Selain dari itu, sebanyak 39 jawatan Tingkatan Tertinggi lagi telahpun diwujudkan untuk pakar-pakar. Jawatan-jawatan tersebut ialah dari Tingkatan Tertinggi "G" hingga Tingkatan Tertinggi "C". Kita juga telah bersetuju untuk mewujudkan sebanyak 143 jawatan-jawatan seperti ini lagi dari masa ke semasa dalam berbagai kategori kapakaran di antara tahun 1981 sehingga 1985.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya percaya Yang Berhormat Menteri ada lagi hendak bercakap, boleh sambung esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 5hb November, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*